


HARUN DEDAH

# RASUAH POLITIK



020-35050504  
AIN

AIN

Ainol Jamaal

HARUN DEDAH

# RASUAH POLITIK

---

PERPUSTAKAAN NEGARA



1000021457

PUSTAKA PERDANA



1000690

فڑبیتن ترا ترا

PENERBITAN TRA-TRA

CETAKAN PERTAMA 1982

© AINNOL JAMAAL

---

Buku ini dijual dengan syarat ia tidak akan dipinjamkan, dijual, disewa secara perdagangan ataupun diedarkan tanpa keizinan terlebih dahulu dari pihak penerbit dalam sebarang bentuk, jilid atau kult buku selain daripada bentuk ia diterbitkan dan tanpa syarat yang sama termasuk syarat ini dikenakan kepada pembeli seterusnya.

---



TRA-TRA PUBLISHING & TRADING CO.,  
No. 80, 1st Floor, Jalan SS14/1,  
Subang Jaya, Selangor,  
West Malaysia.

Taipset oleh SENI Typesetting dalam  
10pt. Serifa 55 Medium.

Dicetak oleh Percetakan P.K.S. Sdn. Bhd., 23, Jalan Tandang, P.J.

273447

1 NOV 1982  
Perpustakaan Negeri  
Malaysia

## KANDUNGAN

|  |    |
|--|----|
| 1. Dulu lain hari ini lain   | 1  |
| 2. Kaya terus kaya dan miskin  | 7  |
| 3. Kera di hutan disusukan?  | 13 |
| 4. Ramai ingin jadi yang berhormat                                       | 20 |
| 5. Ramai pemimpin menggunakan bomoh <i>file</i>                          | 25 |
| 6. Kualiti calun yang dikehendaki  | 30 |
| 7. Tokoh veteran menyekat kedatangan tenaga muda                         | 39 |
| 8. Ramai tokoh-tokoh pentingkan niaga dari berpolitik                    | 64 |
| 9. Ada pemimpin-pemimpin Parti salahguna kuasa <i>file</i>               | 72 |
| 10. Pemimpin yang harus wujud  | 79 |
| 11. Jangan mengamal rasuah politik <i>file</i>                           | 84 |
| 12. Pesanan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk kita renungkan bersama | 90 |



DATO' HAJI HARUN HAJI IDRIS

## DULU LAIN HARIINI LAIN

TIDAK sesiapa menduga UMNO yang ditubuhkan dalam tahun 1946 oleh beberapa orang teras dan pejuang kebangsaan di bawah pimpinan allahyarham Datuk Onn Jaafar, telah berkembang dengan begitu pesat dan padu sekalipun pemimpinnya silih berganti.

Hingga setakat ini, sudah LIMA tokoh yang memimpin UMNO. Selain daripada allahyarham Datuk Onn, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj, Presiden UMNO ke dua, allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, Presiden UMNO ke tiga, Tun Hussein Onn, Presiden UMNO ke empat dan pada 26hb. Jun, 1981 lalu, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, telah dilantik menjadi Presiden UMNO ke lima.

UMNO — Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu — yang telah ditubuhkan dalam keadaan serba kekurangan, tapi semangat perjuangan dari tiap-tiap seorang pendokong parti itu benar-benar jati.

Setiap perjumpaan yang diadakan, baik di Johor Baharu, tempat lahirnya parti UMNO ini, beramai-ramai datang secara sendiri-sendiri. Ada yang menaiki bas, menumpang kereta barang, lori, keretapi, dan

berbagai cara lain, dengan niat mereka harus sampai ke tempat yang hendak dituju.

Kemudian perhimpunan itu diadakan di Kelab Sultan Sulaiman, di Kampung Baru, Kuala Lumpur, begitu jugalah keadaannya masing-masing datang dengan sendiri-sendiri.

Ada yang menumpang rumah kawan, tidur di Masjid atau di mana-mana saja dengan harapan semoga UMNO ini dapat memperjuangkan hak rakyat supaya mendapat kemerdekaan, bebas dari belenggu penjajahan British.

Itulah matlamat ahli-ahli UMNO ketika itu. Tidak terfikir untuk mendapat bilik berhawa dingin. Tidak pula berlagak dengan kereta Mercedes, Jaguar, Peugeot, Fiat, Ford dan kereta-kereta jenis lain yang akan memandu borseorangan atau bersama-sama isteri masing-masing, menuju ke tempat-tempat perhimpunan.

Dahulu, ahli-ahli UMNO benar-benar menumpukan hasrat mereka kepada UMNO dan dasarnya.

Malah mereka berikrar dan mengangkat sumpah untuk menjadi ahli dengan tidak akan menyeleweng atau melanggar segala dasar perjuangan parti itu.

Setelah UMNO ditubuhkan, alahyarham Datuk Onn telah terpaksa mengundurkan diri dari memimpin UMNO. Dan dalam pergolakan yang mencemaskan itu, Tunku Abdul Rahman telah mengambil alih dan terus memimpinnya dengan dibantu oleh beberapa orang teras dan akar umbi pengasas UMNO sehingga negara mencapai kemerdekaan.

Sebelum itu, Tunku Abdul Rahman terpaksa berulang alik dan menerima beberapa syarat yang tertentu yang diletakan sebelum dapat duduk di meja bulat untuk membincangkan soal kemerdekaan itu.

Tepat pada jam 12.00 tengah malam, 31hb. Ogos, 1957, negara kita telah dimerdekakan. Tiada lagi lagu-

lagu 'GOD SAVE THE QUEEN' atau kelihatan bendera THE UNION JACK berkibar di pejabat-pejabat.

Malahan sebelum pukul 12.00 malam tiba, beribu-ribu rakyat Malaya khasnya orang-orang Melayu dari seluruh pelusuk tanahair telah membanjiri ke Kuala Lumpur dan berhimpun beramai-ramai di padang Kelab Selangor, berhadapan dengan bangunan Sultan Abdul Samad di mana terletaknya jam besar yang membunyikan detik yang bersejarah menandakan tepat jam 12.00 tengah malam, di mana bendera The Union Jack diturunkan.

Dengan serta merta bendera Malaya yang ditatang rapi oleh Pemuda UMNO dengan diketuai oleh En. Mohd Tahir Majid (sekarang Datuk Tahir) telah me-naikan bendera itu perlahan-lahan untuk dikibarkan. Dengan kenaikan bendera tersebut, bererti kita telah bebas, bagaikan burung terlepas dari sangkarnya ber-terbang di angkasaraya.

Beribu-ribu orang yang membanjiri Kuala Lumpur itu juga datang secara sendiri-sendiri. Ada yang menumpang, menonggang motorsikal, basikal, berjalan kaki, menaiki keretapi dan bas serta apa saja yang dapat mereka gunakan untuk datang ke Kuala Lumpur, akan mereka gunakan.

Mereka menumpang di mana-mana saja. Sungguhpun ketika itu tidak ada hotel-hotel besar, tetapi di hotel-hotel kecil juga jarang benar mereka tumpangi. Mereka lebih suka tinggal di Masjid-masjid atau di rumah-rumah sanak saudara atau rumah-rumah kawan.

Dan kalau kita perhatikan balik di bawah pimpinan ke lima-lima pucuk pemimpin negara kita yang lalu dan sekarang, tidak dapat sesiapa menafikan bahawa dalam tempuh perkhidmatan mereka itu, banyak perubahan dari masa ke masa dan kejayaan yang besar

telah dicapai dalam serba bidang kehidupan orang-orang Melayu dan rakyat lain.

Setelah negara mencapai kemerdekaan jugalah baru kita lihat ramai orang-orang Melayu dapat memegang jawatan-jawatan tertinggi dalam kerajaan dan swasta.

Hari ini, negara kecil yang cuma seramai 12 juta rakyat dengan disertai oleh Sabah dan Sarawak baru-lah dikenali dunia luar dengan kekayaan hasil semula jadinya.

Dan hari ini juga, segala sumber dan bahan-bahan mentah seperti bijih timah, kayu balak, kelapa sawit, getah dan dewasa ini minyaknya meletakan negara kita di tahap yang tertinggi di dunia.

Dan dengan perubahan yang begitu pesat itu juga-lah cara berfikir dan corak berpolitik ahli-ahli UMNO hari ini turut mengikut perkembangannya.

Kalau dahulu ahli-ahli UMNO sanggup berkorban apa saja, sehingga menjual harta benda, rumah dan tanah untuk UMNO, tetapi hari ini ahli-ahlinya akan menuntut apa akan mereka dapatkan apabila mereka menjadi ahli UMNO.

Bahkan setiap rakyat yang hendak menjadi ahli UMNO sudahpun berangan-angan besar untuk masa dengan mereka, seperti hendak mendapatkan kawasan kayu balak, memiliki tanah untuk perumahan dan bagaimana hendak menjadi Menteri, atau sekurang-kurangnya menjadi Wakil Rakyat.

Untuk mencapai kematlamat itu, mereka sanggup melakukan apa saja asalkan cita-cita mereka tercapai dan terlaksana.

Perjuangan asal seperti berikrar dan bersumpah untuk kepentingan UMNO sudah diketepikan.

Dan disebabkan dasar perjuangan UMNO itu sudah menyeleweng, ramai pula yang meninggalkan

UMNO. Samada mereka menyertai parti lain ataupun terus meninggalkan politik buat selama-lamanya.

Mereka rasa UMNO sudah dimasuki oleh unsur-unsur tidak sihat dan boleh membahayakan kalau ia terus menerus diamalkan dengan berkepentingan diri sendiri.

Masalah ini tidak dapat kita persalahkan kepada ahli-ahli kebelakangan ini, kerana besar kemungkinan ahli-ahli yang terdahulu daripada ini sudah membuka jalan kepada jenerasi muda untuk mengikuti jejak langkah yang telah dibuka luas oleh mereka.

Dan mata kasar kita dapat memerhatikan betapa tokoh-tokoh UMNO yang menjadi pemimpin telah merebut apa saja yang terdaya sehingga sanggup memijak kepala kawan dan lawan untuk mencapai kekayaan sendiri.

\*\* Mereka abaikan segala tanggungjawab yang seharusnya dipikulkan untuk kepentingan UMNO dan nama baiknya sebagai tulang belakang kepada kerajaan yang mengetuai beberapa buah parti politik lain yang menjadi komponen dalam Barisan Nasional. Sungguhpun perkara ini telah disedari, samada secara langsung atau tidak langsung, tetapi ramai yang lebih suka mengambil tindakan TUTUP MATA dan TUTUP MULUT, sehingga perkara ini berlarutan.\*\*

Memandangkan kepada ramainya yang berjaya merebut kekayaan dari menjadi ahli UMNO, maka yang lain turut mengikuti merebut kekayaan itu.

Oleh kerana tidak ada sesiapa yang berani menyekat atau bertindak untuk menghalangkan amalan seperti ini diteruskan, maka berleluasalah ahli-ahli UMNO yang berlumba-lumba mengejar kesempatan itu.

Hingga ke hari ini, ramai telah menyuarakan, kalau hendak lekas kaya, masuklah UMNO.

Memandangkan kepada ramai yang telah kaya kerana memasuki UMNO, maka tokoh-tokoh yang berpo-

tensi telah menawarkan dirinya, setelah dikunjungi oleh tokoh-tokoh veteran lain dengan bertanyakan apakah yang UMNO dapat berikan kepadanya, kalau dia memasuki UMNO nanti.

\* Memandangkan tenaga dan ketekohnannya itu sangat-sangat dikehendaki, maka tawar menawar akan disusuli, di antaranya termasuklah, janji-janji seperti si polan bin si polan akan dilantik menjadi EXCO, atau Setiausaha Parlimen, Setiausaha Politik, Timbalan Menteri ataupun akan dilantik menjadi Menteri Besar atau Ketua Menteri.

Ataupun tokoh-tokoh yang dikehendaki ini akan menuntut kalau dia setuju menyertai UMNO, dia mahuhan secara hitam putih untuk mendapatkan kawasan kayu balak, tanah untuk perusahaan perumahan ataupun kawasan lombong bijih dan sebagainya.

Inilah yang menjadi pokok di mana UMNO yang ditubuhkan dalam tahun 1946 dianggap sudah menyeleweng daripada dasar dan kehendak tujuan perjuangan yang mula-mula ditubuhkan dahulu.

Tapi siapakah yang hendak kita salahkan apabila perkara ini telah melanda UMNO hari ini. //

## KAYA TERUS KAYA DAN MISKIN?

DALAM dunia yang penuh dengan cabaran dan perlumbaan ini, memang tidak dapat sesiapa menolak bahawa harta benda dan kekayaan itu adalah wajib.

Orang tidak akan melayan perbualan kita, kalau sekadar berbual dengan cerita-cerita kosong dan menghabiskan masa di kedai-kedai kopi atau di warung-warung.

Tidak sesiapa sanggup menghabiskan masa mendengar cerita konon-konon sahaja.

Dan tidak sesiapa mahu bersiar-siar, kalau dengan berjalan kaki atau menaiki teksi untuk pergi dari satu tempat ke satu tempat yang lain.

Tetapi orang lebih senang, bercerita-cerita bagaimana hendak meminjam wang berjuta-juta ringgit dari bank-bank dan perbualan itu dihabiskan di Coffee House atau di Rumah-rumah Khas (mess sendirian umpamanya).

Orang lebih selesa berjalan-jalan dengan menaiki kereta besar yang berhawa dingin dan mudah pula untuk menemui Pak Menteri itu dan Pak Menteri ini, pada bila-bila masa saja.

Malahan orang-orang yang menjadi ‘orang kaya baru’ ini tidak senang untuk bersiar-siar di tepi-tepi kaki lima dan tidak gemar lagi menemui kawan-kawan yang masih ditakok lama.

Kalau boleh, mereka tidak suka kawan-kawan lama mereka itu mendekati mereka, takut kalau-kalau kawan-kawan itu akan meminjam wang atau datang ke pejabatnya untuk meminta tolong itu dan ini.

Orang-orang kaya baru ini lebih senang untuk mendekatkan diri mereka kepada orang-orang yang lebih kaya dan ternama daripada mereka untuk kemudahan sesuatu.

Orang-orang seperti ini sanggup dan bersedia untuk melakukan apa saja asalkan cita-cita mereka berjaya. Mereka sanggup menghina, memijak dan menjatuhkan maruah seseorang asalkan tujuan mereka itu untuk kepentingan diri sendiri dan masa depan mereka seorang sahaja.

Untuk tujuan itu, mereka terpaksa berlagak berbagai-bagai.

Kalau dahulu sama-sama menjadi hampas masyarakat dan sama seperti orang lain yang kais pagi makan pagi, tapi dik kerana peluang terbuka kerana sesuatu sebab tertentu, seperti pandai mengampu, pandai mencari wanita untuk sarapan orang-orang tertentu, orang-orang kaya atau orang-orang berkedudukan, maka dia berjaya mendapat kontrek itu dan ini dan mudah pula mendapat pinjaman dari bank-bank, tanpa cagaran dan sebagainya.

Peluang terbuka itulah yang membolehkan dia berlagak orang kaya dan bekereta besar dan berpejabat cantik yang di tikar permaidanikan dari dinding ke dinding bagaikan pejabat Pak Menteri lakunya.

Soal bisnes atau perniagaan yang dikatakan sedang diuruskan itu benar-benar dijalankan dengan betul atau tidak, bukan suatu soal terpenting baginya.

Apa yang penting ialah pejabat, pakaian dan bekereta besar adalah mustahak untuk mempersempahkan dirinya kepada orang yang bakal menjadi mangsanya, untuk mendapat kemudahan-kemudahan lain di masa-masa akan datang.

Macam-macam lagi caranya bagi orang-orang yang bijak pandai untuk mencari-kekayaan melalui orang-orang yang berkedudukan hari ini.

Selain dari mengampu atau mencari perempuan, mereka pandai pula mencari taukeh-taukeh Cina yang kaya-kaya yang sememangnya mahukan Bumiputera menjadi rakan perkongsian mereka dalam bisnes mereka untuk memperluaskan lagi perniagaan mereka dengan diperalatkan orang suruhan dari Bumiputera ini mendapat sokongan daripada Pak-pak Menteri atau Menteri Besar.

Dilantiknyalah Bumiputera ini menjadi Pengarah atau Pengarah Urusan dengan dibayar gaji \$2,000 atau lebih sedikit, kereta sebuah dan kemudahan-kemudahan lain, untuk dijadikan orang suruhannya mendapatkan tender itu dan tender ini.

Kepada setengah-setengah Bumiputera yang sekian lama menderita dari segi kebendaan dan kewangan, peluang seperti itu sudah tentu tidak akan mereka lepaskan dengan begitu saja.

Mereka akan rebut dengan serta merta, tanpa memikirkan samada peluang itu akan menjatuhkan maruah dirinya sendiri dan merosakkan lagi apa yang diharap-harapkan oleh Kerajaan untuk meninggikan taraf hidup bangsa kita.

Kita tidak hairan kalau peluang yang dibuka oleh orang lain itu, dengan syarat Bumiputera yang diambil itu benar-benar diberi tanggungjawab tertentu dengan menglibatkan dirinya sendiri dalam urusan perniagaan tersebut.

Tetapi tidak semua yang jujur itu benar-benar ikh-

las dan suci, kalau tidak ada undang di sebalik batu.

Dan sikap inilah yang tidak difikirkan terlebih dahulu oleh Bumiputera yang di peralatkan tadi. Dan apa yang menyediakan kita ialah, Bumiputera yang dijadikan alat ini sanggup mati, demi untuk mempertahankan bossnya, kalau kita bentangkan maksud dan tujuan jahat boss tersebut.

Memanglah benar, tidak sesiapa sanggup memberi satu-satu pekerjaan kepada orang yang tidak berpengalaman dengan bayaran beribu-ribu ringgit itu.

Itu adalah suatu rezeki kepada orang yang pandai bersendiwara dan pandai bercakap. Hak itu adalah haknya, tapi biarlah berpadan dengan tugas dan tidak pula menyeleweng daripada hakikat sebenarnya, sehingga sanggup menjadi alat kepada orang-orang Cina yang menambahkan kekayaannya dan terus menu tutup segala peluang kepada orang-orang Melayu lain yang boleh dan bersedia membuat kerja-kerja tersebut.

Kesedaran ini harus di perhatikan dari jangka panjang terutama anak bangsa kita di masa depan.

Hari ini orang-orang Cina bersedia memberi apa saja kepada Bumiputera yang mahu menjadi rakan perkongsian, sekalipun Bumiputera itu tidak mempunyai modal atau tidak berpengalaman. Orang yang diutamakan oleh peniaga-peniaga Cina ini ialah dari kalangan orang-orang kuat dalam UMNO. Biarpun seorang itu hanya menjadi Ketua Cawangan.

Tapi kalau Bumiputera itu menjadi Ketua Bahagian, itu lebih baik dan lebih dikehendaki. Apa lagi kalau seseorang itu sudah berjawatan dalam parti, terutama Wakil Rakyat, Setiausaha Politik, EXCO dan sebagainya.

Taukeh-taukeh Cina ini pandai mencari orangnya. Lagi baik kedudukan seseorang Bumiputera itu dalam

parti lagi mudah dia mendapat keuntungan dan lagi cepat dia mencapai kekayaan.

Hari ini, bukan saja tokoh-tokoh di peringkat Cawangan dan Bahagian saja yang direbut oleh taukeh-taukeh Cina ini, bahkan pada sebaliknya Pak-pak Menteri dan Menteri-menteri Besar serta Ketua-ketua Menteri itu sendiri yang mencari taukeh-taukeh untuk mendapat peluang di dalam perniagaan, samada secara sulit atau diberi peluang kepada anak pihak mereka.

Pak-pak Menteri ini tidak lagi segan silu atau malu-malu menjadi kuda tunggangan untuk mengkayakan lagi bangsa lain dari anak bangsanya sendiri, asalkan mereka mendapat bahagian secibus daripada keuntungan atau saki baki wang ciciran atau lebih tepat lagi, biarlah tulang-tulang yang hendak dibuangkan itu diberikan saja kepada mereka, sekalipun semua isi daging ditelan enak-enak oleh taukeh-taukeh itu.

Amalan seumpama ini telah berjalan bukan saja oleh Pak-pak Menteri dalam UMNO, bahkan dalam USNO, BERJAYA, PAS, GERAKAN, SNAP, MCA, MIC dan lain-lain lagi.

Taukeh-taukeh yang menjadi kaya itu bukanlah semata-mata kerana daya usaha yang mereka titik peluhkan selama ini, tapi adalah kerana pertolongan dan bimbingan atau yang membuka jalan oleh Pak-pak Menteri, setelah mereka turut sama dengan taukeh-taukeh tersebut dalam perniagaan.

Kita tahu bagaimana kawasan-kawasan kayu bakak di Ulu Kelantan, umpamanya, telah dimiliki oleh taukeh Cina dengan beribu-ribu ekar semasa PAS berkuasa di negeri Kelantan dahulu.

Dan berapa ramai bekas ahli-ahli EXCO termasuk bekas Menteri Besarnya telah diperalatkan oleh taukeh-taukeh Cina dari Kuala Lumpur dan Singapura.

Tapi hari ini, setelah taukeh Cina itu menjadi kaya

raya, bagaimakah pandangannya terhadap orang yang pernah menolongnya menjadi kaya itu dilayan-kan.

Jangankan sanggup membawa seekor ikan 'Jelawat atau sepeha lembu' pada Hari Raya, sebagaimana yang pernah disembah dan disanjungkan semasa taukeh itu hendak mendapatkan kawasan-kawasan kayu balak dahulu, bahkan taukeh itu berada di dalam bilik pejabatnya pun dikatakan tidak ada, kalau ahli-ahli EXCO atau bekas Menteri Besar itu pergi hendak menemuinya.

Begitu juga dengan keadaannya ke atas bekas Pak-pak Menteri UMNO yang pernah memegang Kementerian Perdagangan dan Perusahaan dahulu, yang begitu bermurah hati memberi kelulusan 'APPLICATION PERMIT' (atau AP) untuk membawa masuk barang-barang luar negeri, termasuk kereta terpakai dan lain-lain lagi.

Hari ini Pak-pak Menteri itu telah tidak diundahkan segala jasa atau budi yang ditanamkan dahulu, setelah mereka sudah menjadi kaya raya, malah mereka menganggap 'lu siapa gua siapa'.

Dan begitu jugalah keadaannya di Sabah dahulu dan sekarang, di mana kawasan-kawasan kayu balak begitu mudah diberikan kepada taukeh-taukeh Cina. Malah Pak-pak Menteri itu lebih percaya kepada bangsa lain daripada bangsa mereka sendiri dalam meninggikan ekonomi negeri itu dan meninggikan lagi ekonomi diri sendiri, dengan tidak mempedulikan rakyat lainnya.

Adakah sikap seperti ini akan diamalkan pula oleh pemimpin akan datang, sekalipun amaran dan saran dibuat berkali-kali oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sejak beliau memegang teraju pemerintahan sekarang ini.

## KERA DI HUTAN DISUSUKAN?

SIKAP setengah-setengah pemimpin baik di peringkat Negeri maupun Pusat terhadap kaum bangsanya, iaitu BUMIPUTERA, dianggap suka membeban dan menyusahkan mereka, amat dikesali.

Malahan mereka lebih gemar menolong dan membantu serta menunjuk ajarkan kaum lain dari anak bangsanya sendiri.

Kenapa sikap seperti ini berlaku ke atas pucuk pemimpin kita, cuma mereka sendiri sahaja yang dapat menjawabnya. Kerana kalau dipertikaikan dengan lebih lanjut, sudah pasti, banyak sangat penafian yang akan muncurah-curah untuk menegakkan benang basah mereka, kalau perkara ini di ketengahkan.

Oleh yang demikian ada baiknya para pembaca dan para pemimpin itu sendiri yang menjawabnya. Kerana kita ketahui setiap seorang yang budiman telah pun mengetahui jawapannya dan orang-orang berkenaan juga sedar akan sikap mereka itu, yang telah diketahui ramai.

Untuk menghakimkan samada sikap pucuk pemimpin kita benar-benar memandang sepi terhadap kaum bangsanya sendiri, ada baiknya kita meninjau

pendapat orang ramai dari kampung-kampung, seperti di masjid-masjid, surau-surau, tempat-tempat orang suka berkumpul ataupun di kedai-kedai kopi atau warung.

Jangan kita timbulkan soal politik. Tapi kita cuba menyuarakan dari hal keadaan sekeliling, yang mudah mereka campur sama dalam perbualan kita itu dan dalam celah-celah perbualan kita itu, kita sertakan sedikit sikap pucuk pemimpin dari peringkat Negeri mula-mulanya, dan kemudian ke peringkat Pusat.

Sering kita mendengar pucuk pemimpin kita menyatakan bahawa jangan lekas menerima dan mendengar cerita-cerita karut dari orang ramai yang suka memburuk-burukkan pucuk pemimpin, kerana desas desus itu sengaja diada-adakan oleh parti pembangkang.

Kita tidak bertujuan untuk menghasut atau memberi percanggahan pendapat dari apa yang dikatakan oleh pucuk pemimpin tadi, tapi cuma hendak mendengar secara tulus ikhlas daripada orang ramai.

Dari pendapat orang ramai tadi, dapat pula kita jadikan suatu panduan dan penilaian dengan lebih mendalam, samada cerita-cerita ikhlas dari orang ramai itukah yang salah atau yang dikatakan hasutan atau dakyah oleh pucuk pemimpin itukah yang benar.

Kita sedar hari ini ramai yang telah matang dalam tendang terajang politik tanahair. Mereka sudah dapat membaca dan boleh mendengar dari Radio dan melihat dari kaca TV dan yang lebih jelas lagi, mereka dapat menyaksikan dengan mata kepala mereka segala tindak tanduk pucuk pemimpin, dengan tidak payah orang lain memberitahu mereka lagi.

Kerana pucuk pemimpin itu, bukankah datangnya dari kampung-kampung juga.

Mereka mengenali tiap-tiap seorang pucuk pemimpin yang duduk di atas hari ini. Dan mereka juga

tahu segala latar belakang pemimpin-pemimpin sebelum menjadi Pak-pak Menteri atau EXCO dahulu. Jadi perkara benar itu, tidaklah boleh kita katakan sebagai dakyah atau hasutan.

Umpamanya, kalau seorang pemimpin itu datang dari Kota Bharu, orang-orang di Kota Bharu tentu kenal benar siapakah pemimpin tersebut dan mengetahui pula latar belakangnya, sebelum atau selepas beliau menjadi pemimpin.

Begitu juga kalau seseorang pemimpin itu dari Selangor, tentulah tokoh itu dikenali ramai siapakah orang tersebut, baik dari segi peribadi ataupun kerja-kerjanya. Ini tentu suatu kenyataan, dan tidak boleh kita katakan suatu dakyah atau penipuan.

Malahan tidaklah salah kalau kita mengatakan bahawa tiap-tiap seorang pemimpin di peringkat Negeri ataupun Pusat telah dapat dibaca segala isi hati mereka samada pemimpin itu jujur, ikhlas dan berhati suci. Dan mereka juga dapat menilai yang mana satu kaca dan yang mana pula intan. Malahan mereka telah mengikuti setiap seorang pemimpin kita itu dari dahulu hingga sekarang.

Mereka tidak payah digula-gulakan. Tidak seharusnya mereka dituduh sebagai pembelot kalau satu-satu keputusan atau tindakan yang akan diambil nanti, kerana sikap yang begitu menjolokan mata oleh pemimpin tadi, membuatkan ramai berasa bosan dan menyampah.

Disebabkan kebosanan dan menyampah inilah maka ramai yang memandang pemimpin-pemimpin kita yang duduk di peringkat Negeri dan Pusat sebagai orang yang tidak menguntungkan bangsa, agama dan tanahair.

Dari satu segi, anggapan orang ramai itu boleh juga kita terima kerana, berapa kerat pemimpin kita setelah

menduduki tempat terpenting baik di peringkat Negri maupun Pusat yang benar-benar sanggup berkorban dan bersedia menolong dan membantu orang-orang dari bangsanya, iaitu Bumiputera.

Malahan ramai setelah mereka menduduki di tempat terpenting itu, mereka berasa gentar dan bimbang serta takut untuk memberi sokongan sesuatu, kalau orang sebangsanya datang untuk mendapat bantuan.

Pernah seorang pemimpin di peringkat Pusat yang memegang Jawatan Timbalan Menteri dalam salah satu Kementerian berkata, 'saya boleh menolong, tapi apa pula orang lain akan menuduh saya nanti'. Ini kata-kata yang menjadi desingan di telinga setiap orang yang mendengar kata-kata itu, dari seorang pemimpin Bumiputera.

Dan setelah pemimpin itu ditunjuk dan dibuktikan betapa pemimpin asing (bukan Bumiputera) menolong anak bangsa mereka, dengan meluluskan tender JKR, tender projek itu dan ini, meluluskan permit itu dan ini, barulah pemimpin ini terketar-ketar hendak menurunkan sokongannya.

Tapi apabila surat sokongan itu dibawa ke tempat yang ditujukan itu, rupa-rupanya perbualan melalui telefon telahpun diterima oleh pihak yang seharusnya ditemui oleh orang ini, dan apa yang didapatinya ialah sokongan pemimpin tadi telah tidak dapat dilayangkan. Alasan yang diberi, berbagai-bagai.

Mungkin orang yang meminta sokongan ini datangnya dari orang miskin yang tidak dapat membawa sesuatu sagu hati untuk dihadiahkan maka tidaklah dapat dilayan dengan sempurnanya.

Perkara ini sering diamalkan oleh pemimpin Bumiputera ke atas anak bangsa mereka. Mereka lebih senang menolong orang lain dari Bumiputera. Mungkin mudah bertolak ansur atau mudah ke hulu dan ke hilir, tanpa segan-segan. Tapi kalau bersama-sama dengan

Bumiputera nanti, hendak pergi ke Rumah Urut sudah tentu tidak mungkin. Nak pergi ke Mess, mana mampu orang-orang Bumiputera memilikinya. Nak ke bilik-bilik Hotel ternama juga tidak mungkin berlaku.

Jadi banyak perkara yang tidak boleh diberikan oleh Bumiputera kepada pemimpin mereka, yang mana ramai bukan Bumiputera yang sedia dan sanggup memberikan. Maka mahu tidak mahu, ada baiknya mereka menolong orang-orang yang boleh memberi segala kemudahan dan keperluan daripada memberi kepada orang yang tidak dapat memberi apa-apa.

Lagipun, kalau ada Bumiputera yang sanggup membawa ke sana dan ke mari (bukannya tidak ada Bumiputera yang bersedia), tapi mereka takut pula mulut ke mulut diceritakan kisah-kisah buruk itu dan akhirnya ia sampai pula ke kawasan pilihanrayanya nanti, dan kedudukannya sudah tentu akan tergugat.

Contoh yang nyata, bila mana seorang pemimpin di Utara Perak telah ditumbangkan dalam pemilihan Ketua Bahagian oleh Setiausaha Bahagian itu sendiri, adalah disebabkan kurang minatnya beliau menolong Bumiputera.

\*\* Ramai yang bersikap demikian. Pemimpin-pemimpin ini cuma sanggup menyembah dan menolong apa saja apabila mereka menghadapi pemilihan Ketua Bahagian atau menjelangnya Pilihanraya Umum, di mana tenaga rakyat ramai sangat-sangat diperlukan untuk menjaminkan kedudukan mereka nanti.

Tetapi setelah mereka berjaya memegang jawatan-jawatan terpenting kelak, 'lu siapa gua siapa'. Inilah sikap sebilangan ramai pemimpin kita yang tidak sedarkan diri, malah mereka terlupa bahawa munculnya nama mereka dalam gelanggang politik, dan berjaya menduduki di tempat atasan adalah hasil kerjasama rakyat bawahan. Tapi kenapa rakyat itu dilupakan. \*

Rakyat boleh membuat hukuman kerana undi mutlak terletak dalam tangan mereka. Samada mereka mahukan pemimpin itu lagi ataupun tidak akan ditentukan setiap kali persidangan diadakan untuk memilih Ketua Bahagian diadakan.

◆◆◆ Dan ramai juga menyedari bahawa kedudukan mereka masih boleh dikekalkan setelah ada 'ejen-ejen' mereka yang sanggup menjelajah dari Cawangan ke Cawangan memukul dan memohon untuk menyokong Ketua Bahagian itu sekali lagi.

Apabila pujuk rayu itu tidak berjaya, terdapat pula usaha-usaha lain untuk menjaminkan kedudukan seorang itu terus kekal, sekalipun pemimpin itu tidak pernah melawat atau menziarahi kawasannya itu.

Kita pernah mendengar pemimpin kita setelah mencapai kemenangan, tidak pernah menjelajah kaki mereka langsung, sehingga tarikh pemilihan yang akan diadakan nanti.

Tapi kedudukannya terus kukuh dan para pengikut atau ahli di kawasan itu terus memberi sokongan kepadanya, sekalipun pernah desas desus mengatakan bahawa dalam pemilihan akan datang mereka akan menentangnya.

Apakah caranya yang pemimpin itu masih boleh mengekalkan kerusinya, malah undi yang diperolehinya terus meningkat dan ini memeranjatkan ramai.

Apakah rahsia yang digunakan sehingga dia beroleh kejayaan lagi.

Ramai yang hendak menyuarakan di atas apa yang mereka tahu. Tapi kenapa siapa yang harus mereka ceritakan. Terlalu ramai ejen-ejen yang menjadi tali barut kepada tokoh yang tidak memberi faedah itu.

Mereka sedar ada penyelewengan sedang bergerak lancar di sebalik kemenangan tokoh-tokoh yang tidak berguna itu. Kerana mereka sendiri pernah me-

nerima upahan atau hadiah sagu hati dari tokoh-tokoh tersebut.

Tetapi sekalipun penyelewengan itu didedahkan kepada umum, sudah tentu pucuk pemimpin atasan tidak akan menerima sebarang aduan yang dianggap karut atau sengaja hendak memburuk-burukan seseorang.

Tambahan pula tokoh-tokoh di peringkat Cawangan juga tidak mahu menerima segala aduan yang boleh menjelaskan nama baik parti itu dan masa depan rakyat di bawah pimpinan seorang tokoh opotunis.

Ini besar kemungkinan kerana tokoh-tokoh dari Cawangan itu juga telah ditutup mulut dengan sesuatu agar kedudukan tokoh tersebut terus kekal dan terjamin. \*

Sekadar ahli biasa, pengikut dan penyokong parti bawahan, kalau tokoh di peringkat Cawangan sudah tidak mahu menerima aduan yang dilapurkan itu, apalah caranya lagi untuk disampaikan kepada yang lebih atas.

Sedangkan kemampuan mereka hanyalah setakat peringkat Cawangan sahaja, dan tidak pun sampai ke peringkat Bahagian. Masakan berkemampuan bagi mereka untuk disampaikan kepada Pak-pak Menteri. Mahu tak mahu, apa yang mereka ketahui itu dipendamkan saja di dalam lubuk hati masing-masing.

## **RAMAI INGIN JADI YANG BERHORMAT**

HARI INI ramai yang ingin menjadi Wakil Rakyat atau YB. Dahulu begitu sukar hendak memujuk orang-orang yang berkaliber untuk menjadi calun dalam satu-satu kawasan. Tapi hari ini berebut-rebut.

Yang layak dan yang tak layak pun turut berumba-jumba. Kalau dahulu, pegawai-pegawai yang ber-kolar putih dan bergaji seribu ke atas dan berjawatan kerajaan (akan menerima pencennya) tidak sanggup berkorban untuk menjadi calun. Takut hendak menemui rakyat, bimbang nanti kereta mereka dikotori orang kampung dan yang paling ketara, mereka tidak nampak jaminan hidup mereka di masa depan, kalau menjadi Wakil Rakyat.

Tapi hari ini, yang berkedudukan tinggi, yang baru pulang dari luar negeri dengan ijazah masing-masing, yang menjadi Guru, yang menjadi Guru Kemas, yang menjadi Penghulu dan yang menjadi kontrakter sama-sama mencari pengaruh masing-masing.

Mula-mula mencari tempat dalam satu-satu Cawangan. Kalau satu-satu tempat itu masih belum mempunyai Cawangan, mereka akan tubuhkan. Dan dalam mesyuarat nanti, orang itu akan dipilih menjadi

Ketua Cawangan dan dengan sendirinya akan berpeluang berpeluang untuk kepemilihan Ketua Bahagian. Dan setelah mendapat tempat sebagai Ketua Bahagian, dan mendapat pula sokongan dari satu-satu golongan, mereka akan mendapat tempat menjadi calun.

Kalau tidak dapat menjadi calun kawasan Parlimen, kawasan Dewan Negeri pun memadailah.

Maklumlah sekarang ini, tiap-tiap seorang Wakil Rakyat setelah berkhidmat selama 36 bulan (tiga tahun, belum cukup penggalnya) sudah layak memperolehi pencennya.

Kalau sebagai seorang guru yang berkelulusan sebuah Maktab, membanting tulang dan otak berpuuh-puluh tahun pun, pencen tidak akan sama dengan diperolehi oleh seorang Wakil Rakyat setelah berkhidmat dalam tempuh 36 bulan lamanya, sahaja.

Apa tah lagi dengan Guru Kemas, Penghulu atau Ketua Kampung yang lainnya, janganlah harap mendapat pencen yang begitu lumayan.

Ini belum lagi kita fikirkan kalau menjadi ahli EXCO, Speker atau Menteri Besar. Pencennya sudah tentu lebih berganda. Lebih besar dan lebih lumayan.

Ada setengah-setengah Wakil Rakyat itu, yang telah berkhidmat lebih dari dua penggal, tidak mahu melepaskan jawatannya itu malah mereka ingin terus menjadi Wakil Rakyat, sekalipun tenaga mereka sudah tidak dikehendaki lagi.

Maksud tidak dikehendaki itu banyak sebab-sebabnya.

Pertama, Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah menegaskan bahawa Wakil-wakil Rakyat yang telah berkhidmat lebih dari dua penggal hendaklah melepaskan tanggungjawab mereka.

Arahan itu ditujukan juga kepada EXCO dan Menteri Besar malah Wakil-wakil Rakyat bagi kawasan

Parlimen juga.

Kedua, Perdana Menteri dalam penyusunan semuanya nanti ingin membersihkan Kerajaan yang dipimpinnya kelak terutama selepas pilihanraya umum, sebagai sebuah Kerajaan yang bersih, amanah, jujur, dedikasi dan tidak rasuah.

Dan ketiga, dengan Kerajaan itu juga Datuk Seri Dr. Mahathir mahukan tenaga baru, iaitu tenaga muda yang cekap dan berkebolehan dan bersedia menjadi 'HAMBA RAKYAT', dapat duduk di sekelilingnya baik di dalam Kabinetnya mahupun di Negeri-negeri lainnya.

Apa yang malangnya, terdapat setengah-setengah daripada Wakil Rakyat itu sekalipun telah uzur dan tidak berkemampuan lagi hendak menggunakan akal fikirannya yang cekap dan waras, tapi masih mahukan kerusi itu, dengan alasan bahawa mereka masih sihat, masih dikehendaki oleh rakyat.

Dan untuk menjamin kedudukan masing-masing terdapatlah kempen dari rumah ke rumah memujuk rakyat bawahan, rakyat kampung dan rakyat pendalaman, membuat bantahan secara beramai-ramai memberi sokongan padu kepada Wakil Rakyat kawasan itu, konon-konon akan mendapat perhatian dari pucuk pemimpin atasan, khasnya Presiden dan Timbalan Presiden UMNO.

Tindakan ini sedang dilakukan di beberapa kawasan di seluruh tanahair, bertambah-tambah lagi menjelangnya pemilihan Ketua-ketua Bahagian dan menjelangnya pula Pilihanraya umum tidak lama lagi.

Dan dalam masa itu juga, kelihatannya kita ramai Wakil-wakil Rakyat menjelajah ke kawasan Pilihanraya masing-masing, membuat janji-janji itu dan ini, tapi janjinya tinggal dengan janji belaka.

Dan kerap kali kita mendengar betapa rungutan rakyat di kawasan pendalaman mendesak kerajaan

supaya Wakil Rakyat mereka tampil kehadapan dan membawa segala janji-janji mereka yang pernah dijanjikan semasa pilihanraya lalu.

\* \* \* Dan terdapat di beberapa kawasan setelah 24 tahun kita mencapai kemerdekaan, tidak ada sebarang perubahan yang berlaku bahkan masih seperti sebelum merdeka dahulu.

Ada kawasan-kawasan seperti di Padang Terap, di Kedah terdapat beberapa batang jalan raya dan perkampungan di sana masih di tahap lama dengan jalan-rayanya cuma selebar enam kaki luas dan harapan untuk diperbaiki jalanraya yang berlubang-lubang itu tidak mungkin berlaku, dan pembangunannya tidak ada.

Dan di Alor Setar juga terdapat beberapa buah kampung yang tidak jauh dari Ibu Negeri itu sendiri, yang masih tidak mempunyai kemudahan asas seperti lampu letrik dan air yang sempurna, untuk rakyat.

Sedangkan kawasan itu cuma enam atau tujuh batu saja dari pusat bandar.

Begitu juga dengan keadaannya di kampung Matang, di Taiping Perak, di mana pembangunannya tersus meleset dan beberapa kawasan lain yang dapat kita lihat akan menunjukkan betapa janji-janji yang dibuat oleh Wakil Rakyat semasa Pilihanraya lalu itu benar-benar dilaksanakan ataupun cuma membuat janji-janji untuk mengumpam undi semata-mata. \*

Tapi dengan amaran bahawa Kerajaan pimpinan Mahathir/Musa nanti sebagai sebuah Kerajaan yang bersih, amanah dan tidak rasuah, maka sedar-sedarlah diri masing-masing, bahawa tiap-tiap seorang yang ingin menjadi Wakil Rakyat itu harus tidak termasuk dalam golongan yang tidak dikehendaki oleh pemimpin baru itu.

Ada baiknya kita melepaskan kerusi kita dengan senyum dan murah hati daripada disuruh berhenti.

Kita tidak bermaksud menuduh semua Wakil Rakyat itu tidak amanah, tidak bersih dan tidak jujur, tapi apabila amaran yang diluahkan oleh pemimpin atasan yang berkehendakan sebuah Kerajaan yang bersih dan tidak rasuah itu, maka dengan sendirinya menggambarkan bahawa terdapat adanya pemimpin-pemimpin kita hari ini yang tidak jujur, tidak amanah dan mengamalkan rasuah.

Maksud yang disuarakan itu sudah lama, tapi sehingga ini belum ada sesuatu tindakan diambil secara tegas.

Tetapi sebaik-baik saja Datuk Seri Dr. Mahathir dilantik menjadi Perdana Menteri, itulah amaran yang utama yang dikehendaki oleh beliau, untuk diperhatikan oleh setiap seorang ahli-ahli UMNO untuk diperimbangkan.

Negara akan hancur kalau sekiranya ada unsur-unsur dari dalam baik di peringkat Negeri mahupun di peringkat Pusat yang tidak jujur, amanah, dedikasi dan bertambah-tambah lagi adanya rasuah berleluasa.

## **RAMAI PEMIMPIN MENGGUNAKAN BOMOH**

TOKOH-TOKOH yang berpura-pura tapi telah mendapat tempat dalam memimpin masyarakat sering tidak sunyi dengan usaha-usaha supaya kedudukan mereka itu terus kekal dan tidak tergugat.

Memang tidak dapat dinafikan ramai malah boleh dikatakan hampir-hampir 90 peratus daripada pucuk pemimpin telah berakhtiar ke setiap penjuru alam ini untuk mendapat dan mendampingi bomoh atau dukun terhandal.

Sungguhpun zaman sains dan teknologi ini banyak perubahannya yang dapat kita lihat tapi masih ramai tokoh-tokoh kita yang berkelulusan tinggi-tinggi yang tidak lari daripada mempercayai akan kehandalan bomoh kita.

Tanya saja kepada tiap-tiap seorang pemimpin baik di peringkat negeri mahupun di peringkat pusat, pasti mereka akan berkata, mereka mempunyai bomoh yang menjadi dampingan seharian mereka.

Tujuan berdampingan dengan bomoh itu adalah semata-mata untuk mengelakan diri mereka dari sebarang kejadian dan permainan manusia yang sudah sedia maklum tidak dihinggapi kepada diri mereka.

Selain daripada itu, pemimpin-pemimpin ini tidak mahu pula kedudukan mereka itu tergugat dan menjadi ancaman nanti.

\* \* Sebagai seorang pemimpin, sudah pasti ramai yang akan membuka mata, berasa cemburu, iri hati dan seterusnya akan menumbangkan supaya kedudukannya itu dapat digantikan.

Perasaan hasad dan dengki, yang lebih dikenali di kalangan ahli-ahli politik hari ini sebagai PHD (bukan Doktor Falsafah) sudah tidak asing lagi.

Mana-mana politik di dalam dunia ini sekalipun seseorang tokoh itu kalau terlalu cepat ia meningkat dan terlalu lantang menyuarakan sesuatu, tokoh itu pasti akan diguling, ditembak, dibunuh ataupun dipercatkan.

Dan kepada tokoh-tokoh yang lembab, mereka akan dipijak dan dikeji. \* \*

Oleh yang demikian, demi untuk mengelakan semuanya itu berlaku ke atas diri seseorang tokoh itu, maka kehandalan seseorang bomoh atau yang lebih digemari dipanggil sebagai 'tok guru' akan sentiasa menjadi pengiring mereka.

Tidak seorang tokoh baik di kalangan orang-orang Cina, India mahupun Melayu sendiri mempunyai bomoh tersendiri yang menjadi orang dampingan mereka untuk menjaga baik dari segi keselamatan, pengaruh mahupun atur cara dalam perjalanan sehari-hari an mereka.

Bomoh atau tok guru ini akan lebih rancak dengan tugas-tugas harian mereka apabila menjelangnya satu-satu mesyuarat agung peringkat Cawangan, Bahagian dan Perhimpunan Agung kerana hendak menjaminkan kedudukan mereka sebagai Ketua, Timbalan Ketua, Naib Ketua dan seterusnya Ahli Jawatankuasa.

Dan bomoh-bomoh itu akan sekali lagi berbuah-buah mulut dengan berkati-kati kemenyan dibakar hingga segala kain baju dan peluh berbau kemenyan,

apabila menjelangnya pilihanraya umum tiap-tiap lima tahun sekali.

Mengapa tidak, itulah masanya bilamana tokoh-tokoh ini akan menentukan kedudukan mereka sama-sama akan terpilih sekali lagi ataupun tidak untuk menjadi calun nanti.

Tahu-tahu sajalah dalam tempuh lima tahun menjadi pemimpin banyak yang masih belum beres dibayar, rumah belum cukup selesai, hutang masih dililing pinggang dan projek-projek belum sempat diusahakan lagi.

Banyak perkara yang perlu diselesaikan lagi. Lain-lain kiranya kalau tokoh itu seorang peguam, seorang juru bina, jurutera, doktor dan sebagainya. Mereka tidak perlu bimbang kalau tidak menjadi pemimpin sekalipun, kerana kebolehan mereka itu boleh menyara hidup buat selama-lamanya.

Tetapi bagaimana halnya kalau pemimpin itu datangnya dari Penyelia Kelas Dewasa, Penghulu, Guru Kemas, pemborong, bekas mata-mata dan sebagainya. Ke mana tokoh-tokoh ini hendak pergi kalau tidak diberi peluang buat sepenggal lagi. Tapi setelah diberi peluang untuk satu penggal yang dipintanya, seperti berlakunya beberapa ramai tokoh dalam menghadapi masalah yang disebutkan tadi, mereka terus tidak mahu meninggalkan kerusi tersebut setelah berjaya menduduki selama dua penggal.

Lagi lama mereka duduk di kerusi itu lagi banyak pula hutang dibebankan. Dan mulalah diperalatkan oleh gulungan-gulungan untuk memerlukan tenaga mereka untuk mendapatkan itu dan ini, oleh orang-orang perniagaan.

Untuk mengekalkan kedudukan itu, mereka terpaksa mencari bomoh untuk melemahkan hati pucuk pemimpin atasan, semoga setiap kali tokoh-tokoh itu berdepan dengan pucuk pemimpin atasan, wajah me-

reka dikasihani dan tidak sampai hati untuk memban-tah segala rupa rayuan yang dikemukakan.

Boleh dikatakan semakin rancak ahli-ahli politik bergerak dari kawasan ke kawasan baik dalam usaha melancarkan ceramah, bermesyuarah, ataupun me-nanam budi kepada pengundi-pengundi dengan menghulurkan kain batik, kain pelikat, pembesar sua-ra untuk Masjid, tikar sembahyang ataupun menabur-kan wang ringgit, begitu jugalah rancaknya bomoh-bomoh tadi dalam mencari tokoh-tokoh tertinggi un-tuk memeras wang ringgit tokoh-tokoh tadi.

Inilah masanya bagi mereka menggunakan keku-a-saan mereka dengan mendesak ribu-ribu ringgit untuk menggunakan ilmu dan kepandaian mereka dalam mengekalkan kedudukan seseorang tokoh itu.

Kalau kita kembali kepada perhimpunan agung UMNO Jun 1981 lalu, kita akan dapati betapa ramai-nya tokoh-tokoh terkemuka yang menjelajah ke hulu dan ke hilir mencari bomoh, bertanyakan samada me-reka akan berjaya ataupun tidak.

Kalau pertandingan satu lawan satu, pada lojiknya sudah tentu ada yang tewas dalam pertandingan ter-sebut; tapi pihak bomoh masih menyakinkan bahawa tokoh itu pasti menang dengan memberi beberapa syarat tertentu.

Oleh kerana keyakinan tadi, apa juga yang diminta oleh si bomoh itu terpaksa dilaksanakan, samada disuru-h mandi di tujuh kuala, di tujuh buah kolah Masjid, dimandikan dengan limau, dimandikan dengan tujuh jenis bunga ataupun apa saja yang disuruhnya nanti.

Nak ditolak, takut pula dimurkai oleh bomoh ini dan tertewas pula nanti. Maka mahu tak mahu, terpaksa menurut sahaja apa juga yang disuruh bomoh itu.

Setelah mendapat apa yang dikehjarnya, bomoh itu telah menghilangkan diri, dan pada kebetulannya, to-koh itu telah tewas.

Ini akan dipersalahkan kepada tokoh itu kerana ada syarat-syarat yang dipesankannya itu telah tidak diikuti oleh tokoh tadi.

Begitulah keadaannya setiap kali pertandingan dan pemilihan diadakan.

Kini menjelangnya pula pilihanraya umum. Ramai tokoh-tokoh yang mencari-cari bomoh mana yang handal, supaya nama mereka terpilih menjadi calun.

Mereka tidak segan-segan lagi untuk bertanyakan di mana tempat tinggal bomoh-bomoh tadi.

Tapi kepada tokoh-tokoh yang sudah sedia ada bomoh-bomoh di sisi mereka, cuma membarakan api dan membakarkan kemenyan dan terus diusahakan dengan tidak payah ke mana-mana lagi.

Terdapat seorang tokoh di Selangor yang memakai 20 orang bomoh termasuk empat bomoh Siam untuk menjaga dirinya.

→ Ramai berasa hairan, kerana kalau diperhatikan dari segi ketokohannya lebih ramai lagi yang berkewibawaan, tapi itulah keadaannya, tokoh itu terus kekal dan sudah memasuki tiga penggal dan kalau terpilih lagi kali ini akan memasuki empat penggal.

Sedangkan tokoh itu telah menghadapi berbagai kes tapi telah terlepas dari sebarang tuduhan. Itulah kehandalan bomoh-bomohnya yang berusaha untuk menjamin kedudukannya dari satu penggal ke satu penggal yang lain dan tidak sesiapa berani menggugatnya. \*

Perkara ini juga perlu diperhatikan oleh pimpinan Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad dan Datuk Musa Hitam sebagai orang yang diharap-harapkan oleh rakyat, untuk membersihkan keadaan kotor yang sedang bergolak hari ini.

## KUALITI CALUN YANG DIKEHENDAKI

APAKAH kualiti yang dikehendaki untuk menjadi seorang calun dan adakah kelulusan dari universiti menjadi suatu ukuran yang terpenting, dalam melayakkan diri menduduki di kerusi Dewan Undang Negeri atau Dewan Parlimen yang mulia itu.

Ini terpaksa kita perhatikan terlebih dahulu. Karena hingga setakat ini, ramai ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan Parlimen yang dipilih untuk menjadi calun, tidak dipilih dan diukur dari segi latar belakang akademik seseorang itu.

Sungguhpun perkara ini mustahak untuk diperhatikan dari jangka panjang, tetapi dik kerana keadaan dan pergolakan politik kita agak masih baru dalam arena politik tanahair, maka soal ini tidak begitu dititik beratkan.

Bertambah-tambah lagi, sebagaimana yang telah kita katakan diawal-awal tadi bahawa negara kita masih baru dalam arena politik, dan cuma akhir-akhir ini sahaja ramai yang berkelulusan universiti yang ingin turut menceburkan diri mereka dalam politik.

Mahu tak mahu, calun-calun untuk menduduki di dalam Dewan Undangan Negeri dan Parlimen terpak-

salah dipilih dari kalangan bawahan, iaitu — grass root, seperti yang ada sekarang ini.

Tokoh-tokoh inilah yang mewakili rakyat di dalam Dewan-dewan yang mulia selama ini. Dan orang-orang inilah juga yang benar-benar menumpukan masa mereka kepada rakyat dan mereka jugalah yang lebih mengetahui dan memahami akan masalah rakyat, kerana mereka sentiasa berdamping rapat dengan orang-orang kampung dan di pendalamannya.

Soal samada mereka dapat mempersembahkan hujah-hujah yang baik dan tersusun serta tidak bertentangan dengan undang-undang, tidak timbul. Tapi apa yang mereka lakukan adalah untuk menyampaikan hasrat dan kesulitan rakyat tempat mereka wakili kepada Dewan yang mulia itu.

Sekalipun mereka tidak dapat memerhati lebih dari jangkauan pemikiran mereka, sebagaimana para intelektual lainnya, tetapi setakat mana yang diamanahkan oleh rakyat bawahan, mereka telah berjaya menjalankan tugas mereka sebagai Wakil Rakyat.

Sejak dari mula-mula kita mencapai kemerdekaan lagi, sebilangan besar calun-calun yang dipertandingkan dalam pilihanraya umum, terdiri dari tokoh-tokoh grass root.

Kalau ada pun hanyalah segelintir sahaja yang berkelulusan tinggi dan berijazah atau pegawai-pegawai yang berjiwa rakyat dan ingin menyaksikan negara ini benar-benar dapat berdiri di atas kakinya sendiri, yang sanggup menghambakan dirinya kepada rakyat.

Tapi pada sebilangan besarnya, terutama yang berkelulusan tinggi dan yang telah memegang jawatan tinggi dalam kerajaan, mereka enggan menerima sekalipun telah dipujuk dan meminta jasa mereka.

Mereka tidak yakin dan tidak percaya dengan menjadi Wakil Rakyat nanti, dapat menyara hidup mereka

malah akan turuniah mertabat atau kedudukan mereka sebagai 'Tuan' kalau menerima menjadi Wakil Rakyat.

Bahkan terdapat Raja-raja kita semasa negara hendak mencapai kemerdekaan dahulu, yang mengatakan bahawa Malaya tidak akan berjaya dalam menuntut kemerdekaannya, kerana hendak membuat sebatang jarum dan seketul benang pun tidak tahu, masakan hendak memerintah negara nanti.

Semuanya ini terikut-ikut oleh sebilangan besar pemimpin-pemimpin dan pegawai-pegawai kita, apabila tenaga mereka dikehendaki dahulu. Mereka tidak sanggup berkorban bersama-sama, sekalipun negara mahukan tenaga mereka untuk membantu dalam semua bidang, baik di peringkat pentadbiran maupun di peringkat bawahan.

Oleh kerana ketabahan dan kesungguhan segelintir pemimpin kita di kala itu, sedikit demi seikit mereka membaiki kedudukan dan membuktikan betapa tokoh-tokoh di peringkat bawahan inilah yang meletakan negara kita sebagai sebuah negara yang sedang membangun dan dihormati dunia.

Dan baru inilah ramai yang ingin menceburkan diri, sekalipun tidak dipujuk lagi.

Mereka sendiri mencari kesempatan untuk ditunjukkan diri masing-masing untuk dicalunkan, menduduki di dalam Cawangan dan Bahagian, moga-moga terpilih pula menjadi Wakil Rakyat.

Jadi soal kualiti, kalau diperhatikan dari jangka panjang, sememangnya sesebuah negara yang sedang membangun sangat-sangat diperlukan, tetapi kita tidak seharusnya pula mengenepikan tokoh-tokoh yang datangnya dari grass root.

Dalam peringkat ini, tiga jenis pemimpin yang kita kehendaki buat masa ini dan kita tidak boleh menolak

dengan serta merta satu peringkat demi untuk mengambil peringkat yang lagi satu.

Ketiga-tiga jenis yang dimaksudkan itu ialah, Veteran, Menengah dan Muda.

Peringkat veteran, yang terdiri dari tokoh-tokoh intelektual yang berkelulusan tinggi dan yang sederhana. Mereka ini telah lama di dalam politik tanahair yang tahu segala aspek politik yang sedang bergolak dan yang akan berbangkit.

Peringkat menengah, masih dikehendaki juga tokoh-tokoh dari grass root, yang mana tokoh-tokoh ini masih lagi dikehendaki oleh rakyat bawahan sebagai Wakil mereka untuk duduk di dalam Dewan-dewan yang mulia.

Dan di peringkat muda, di sini barulah kita pilih dan asuh serta mnemberi segala bimbingan yang benar-benar berjiwa rakyat untuk mengambil alih tumpuk di masa depan.

Kita tidak boleh menerima secara membuta tuli sahaja, asalkan saja tokoh-tokoh muda berkelulusan universiti dan sebagainya.

Kerana tidak semua yang berkelulusan tinggi itu, semuanya dapat memenuhi kehendak dan tanggung-jawab serta keperluan negara.

Ini dapat kita lihat dari beberapa tokoh yang sedia ada, yang mana dari segi pentadbirannya memanglah memuaskan dan dihormati di atas kebolehannya itu, tetapi dari segi politik, tokoh-tokoh itu telah gagal, tapi masih boleh dilentur.

Gagal dengan maksud bahawa mereka tidak dapat diterima oleh rakyat di tempat mereka menjadi Wakil Rakyat. Semuanya ini berpunca dari tunjulan oleh pemimpin kita di atas yang mana tidak begitu memahami dengan sebenarnya, samada tokoh yang dikemukakan itu dapat berkhidmat kepada rakyat dengan tulus ikhlas ataupun tidak.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, pada lazimnya tiap-tiap seorang tokoh yang ingin menjadi calon dan seterusnya akan dilantik menjadi Wakil Rakyat, mereka terlebih dahulu terpaksa menjadi Ketua Bahagian atau memegang satu-satu jawatan di dalam Bahagian, tempat mereka hendak mewakili.

Inilah amalan yang kita praktikan selama ini. Tetapi tidak kurang juga kita melantik seseorang tokoh itu dengan cara kekuasaan yang ada pada pucuk pemimpin di atas, seperti mana yang telah berlaku ke atas Tan Sri Ghazali Shafie, Datin Paduka Rafidah Aziz dan beberapa tokoh lain sebagai suatu contoh.

Bagi Tan Sri Ghazali atau lebih dikenali dengan King Ghaz, beliau telah dilantik menjadi Senator sebelum memegang Ketua Bahagian Kuala Lipis.

Dan begitu juga dengan Datin Paduka Rafidah Aziz. Beliau juga telah dilantik sebagai Senator, untuk memegang jawatan Timbalan Menteri, sebelum beliau terpilih menjadi Wakil Rakyat dalam pilihanraya.

Sungguhpun tokoh-tokoh ini berpotensi dan berkebolehan dari segi akademik masing-masing, tetapi sejauh manakah penerimaan rakyat tempat mereka wakili.

Mungkin di peringkat permulaan atau kedua dalam mesyuarat perwakilan tokoh-tokoh itu akan dipilih, tetapi lama kelamaan, mereka akan diketepikan. Ini mungkin disebabkan beberapa sebab yang tertentu timbul di kalangan rakyat di tempat itu sendiri ataupun masalah yang dilakukan sendiri oleh tokoh-tokoh tersebut.

Apabila perkara seperti ketidakpuasan hati rakyat timbul, maka berlakulah surat-surat layang, caci mencaci, fitnah menfitnah dan ekoran dari itu berpecah belahlah perpaduan rakyat yang diharap-harapkan, di tempat tersebut.

Rasa tidak puas hati itu berlaku, apabila Wakil Rakyat yang ditunjuk oleh pihak atasan tidak dapat memahami akan keadaan dan masalah rakyat setempat.

Tambahan pula tanggungjawab yang seharusnya dipikul itu tidak dilaksanakan dengan sepenuhnya dengan secara tulus ikhlas.

Setelah rasa kurang senang di kalangan rakyat bawahan mula berlaku, maka kebimbangan dan takut untuk terus melawat atau mendekatkan diri mereka kepada rakyat akan mula renggang dan lama kelamaan, berlakulah komplot-komplot dan berpuak-puak ataupun apa yang pernah dikatakan oleh Setiausaha Agung Barisan Nasional, En. Ghafar Baba sebagai 'MAZHAB-MAZHAB' di antara Wakil-wakil Rakyat dengan tokoh-tokoh tempatan.

Ada di antara mereka akan menyebelahi Wakil Rakyat dan ada pula yang menyokong tokoh-tokoh tempatan. Ia akan merebak berterusan, bukan di sekitar kampungnya sahaja bahkan seluruh Cawangan di dalam Bahagian tersebut. Dengan itu, krisis demi krisis akan berlaku, sehingga tiba masanya, iaitu di mesyuarat perwakilan memilih Ketua-ketua Bahagian. Di sini akan timbulah pakatan untuk tumbang menumbang, guling mengulang seseorang itu.

Bagi pihak yang sudah memegang kekuasaan atau sebagai Wakil Rakyat, tokoh-tokoh ini akan menggunakan apa saja senjata terakhirnya untuk mempertahankan dirinya mengekalkan kedudukan itu, sekalipun terpaksa bergolok bergadai.

Orang-orang kuat kepada Wakil-wakil Rakyat ini akan berdamping rapatlah dengan tokoh-tokoh ini untuk mengambil kesempatan. Dan mereka ini sanggup ke mana-mana demi untuk mempertahankan kedudukan itu.

Untuk menyakin dan mengekalkan penyokong-pe-nyokong terus bersatu padu kepada Wakil Rakyat itu,

maka sagu hati yang berupa 'Wang' tidak seharusnya kedekut.\*\*

Wakil Rakyat tidak akan menaburkan wang itu kepada orang ramai, kerana tidak mahu menjatuhkan maruahnya atau dituduh sebagai mengumpam wangi ringgitnya sebagai suatu umpan untuk membeli undi orang ramai.

Mereka sedar kalau wang itu keluar dari koceknya sendiri, ini boleh menjasakan kedudukannya terus menerus. Dan sudah pasti pihak berkuasa Biro Siasatan Negara akan mengekorinya nanti.

Oleh yang demikian, orang-orang kuat mereka lah yang akan diperalatkan untuk menaburkannya dengan cara mengadakan kenduri kendara, membeli gula dan beras kepada orang-orang kampung dan berbagai-bagai lagi. Ataupun terdapat juga yang secara terang-terang menghulurkan wang ringgit itu kepada orang-orang tertentu, yang difikirkan orang-orang terpenting di satu-satu kawasan itu untuk melembutkan hati seseorang itu.

Dan dalam hal hendak mengambil hati ini, selain daripada mengadakan jamuan-jamuan, berkelah atau ceramah, tokoh-tokoh ini sanggup juga mengadakan lawatan ke bandar-bandar, seperti ke Kuala Lumpur, ke Pulau Pinang ataupun ke Singapura dan di tempatkan di hotel-hotel terkemuka yang berhawa dingin.

Kejadian seperti ini sering berlaku, terutama menjelangnya mesyuarat perwakilan atau pilihanraya.

Segala perbelanjaan itu akan diurus sendiri oleh tokoh-tokoh berkenaan dengan membayar segala bil tersebut. Tapi yang anehnya apabila perkara terbongkar, terdapat juga tokoh-tokoh tersebut menafikannya dengan berbagai alasan.\*\*

Yang melucukan ialah, di antara ramai-ramai yang telah dibawa ke bandar-bandar itu, tidak semuanya yang benar-benar menyebelahi tokoh yang menyedia-

kan pelancungan itu, malah terdapat juga yang menentangnya. Dan sudah tentu segala peristiwa dan berapa banyak wang sugu hati telah diberikan kepada setiap seorang daripada mereka, hotel apa dan ke mana perginya itu akan terbongkar.

Sebagai pepatah orang tua-tua ada memesan, 'Tidak semua yang berambut hitam itu sama hatinya'.

Dan kepada yang menyokong tokoh tempatan, mereka terpaksa berusaha dengan cara mereka secara sendiri-sendiri. Tokoh-tokoh tempatan ini tidak payah menggunakan wang ringgit tetapi akan menggunakan sanak saudara mereka di sekitar kampung dan Bahagian itu untuk menggulingkan tokoh atau Ketua Bahagian itu.

Kepada orang-orang kampung, sungguhpun mereka menghormati akan pemberian wang ringgit, kerana mereka kemiskinan dengan wang ringgit, tetapi dik-kerana kebencian dan kebosanan mereka kepada Ketua Bahagian atau sikap kesombongan dan tidak mengindahkan rakyat tempat mereka wakili itu, mereka rela beramai-ramai menumbangkannya, tanpa menerima Rakyat hari ini sudah sedar bahawa wang ringgit tidak boleh membeli seseorang itu, demi untuk mengekalkan kekuasaannya.

Dan kesedaran itu menunjukkan betapa rakyat kita yang telah dimerdekakan itu sudah cukup matang dan tahu nilai-nilai berpolitik.

Dan dengan itu juga, orang-orang yang ingin menggunakan wang ringgitnya untuk kepentingan diri sendiri, seharusnya memahami akan hakikat itu, ke-lak wang yang ditabur entah ke mana dan kerusi yang hendak dikekalkan atau yang diidam-idamkan itu ter-lepas ke tangan orang lain.

\*Contoh yang dapat kita perhatikan dan ramai yang telah menerima 'Durian runtuh', ialah menjelangnya perhimpunan Agung Jun 1981 lalu, bilamana tokoh-

tokoh tertinggi UMNO mencurah-curah wang mereka untuk merebut kerusi-kerusi yang diidamkan.

Dan begitu juga dengan keadaannya bilamana parti MCA hendak merebut kerusi-kerusi dalam perhimpunan Agungnya Mei, 1981 lalu.

Begitu juga dengan Pilihanraya Umum Sabah dalam bulan Mac, 1981 di mana wang begitu mewah dipergunakan untuk memikat rakyat mengundi tokoh-tokoh dari parti BERJAYA. \*

## **TOKOH VETERAN MENYEKAT KEDATANGAN TENAGA MUDA**

KENAPA ramai tokoh-tokoh muda yang berpotensi sering diketepikan nama-nama mereka apabila tiba mesyuarat perwakilan di peringkat bahagian-bahagian diadakan.

Kalau tidak pun, terdapat juga pemimpin-pemimpin di negeri-negeri itu akan menasihatkan seseorang itu supaya jangan menceburkan diri mereka ke dalam kencah politik.

Ataupun, kalau sekiranya diperhatikan seseorang tokoh itu agak boleh menggugat kedudukan orang lain, mereka akan diberi atau ditawarkan sesuatu jawatan untuk mengelakkan diri seseorang itu dari turut bertanding atau mencabar kedudukan tokoh-tokoh tadi.

Kejadian atau peristiwa seumpama ini telah dan sedang berlaku di kalangan ahli-ahli politik kita sejak dahulu hingga sekarang.

Tokoh-tokoh lama atau veteran, yang sudah lama dan boleh dianggapkan 'besi karat' di dalam bahagian tertentu itu sepatutnya membuka jalan kepada tokoh-tokoh muda untuk mengambil alih, tapi nampaknya mereka ingin terus mengekalkan kedudukan itu

buat selama-lamanya. Dan kalau boleh sehingga akhir hayat, lakunya.

Nampaknya, peluang-peluang untuk memberi kepada tokoh-tokoh muda untuk mengambil alih, jelas tidak diberikan langsung.

Inilah sikap sebahagian besar daripada tokoh-tokoh veteran kita yang ada pada hari ini, baik di peringkat negeri maupun pusat.

Ini termasuk jugalah dengan tokoh-tokoh lama yang sedang memegang jawatan seperti Menteri, Timbalan Menteri, Menteri-menteri Besar, Timbalan-timbalan Menteri Besar, ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli-ahli Parlimen.

Apa yang mendukacitakan kita ialah terdapat beberapa orang tokoh yang bertanding dalam pilihanraya 1959 dan 1964 masih ingin terus mengekalkan kedudukan mereka, tanpa bercita-cita hendak melepaskaninya.

Sepatutnya tokoh-tokoh veteran ini sudah lebih daripada wajar untuk mengundurkan diri mereka. Ini bukan saja diperhatikan dari lamanya mereka berada di dalam jawatan-jawatan tersebut, malah kemampuan untuk menggunakan pemikiran yang waras juga sudah lusuh dan terat lemah.

Adalah suatu yang keterlaluan kalau yang pernah bertanding di dalam tahun-tahun 1959 atau 1964 ataupun 1969, masih mahu mengekalkan kedudukan mereka. Lain pula kiranya kalau tokoh-tokoh veteran itu masih dinamik, masih berkemampuan dan bertenaga dan bersedia menggunakan akal dan fikiran untuk rakyat dan yang terpenting untuk negara.

Tenaga-tenaga veteran seperti ini, negara tetap berkehendakan tenaga mereka, kerana di dalam otak mereka masih banyak benda-benda yang bermas yang boleh mencerminkan pandangan jauh untuk faedah ramai dan masa depan negara yang sedang memba-

ngun seperti Malaysia ini.

Kalau kita perhatikan tokoh-tokoh veteran yang bertanding dalam tahun-tahun 1959 umpamanya, mereka telah lima kali bertanding, iaitu lebih 20 tahun lamanya.

Kalau kehadiran mereka itu benar-benar mendatangkan kebaikan dan faedah kepada negara, ayohhh, bariyah mereka terus kekal. Tapi kebanyakannya daripada mereka itu sudah tidak boleh menggunakan akal dan fikiran lagi. Dan sudah sewajarnyalah mereka diketepikan dan membuka jalan kepada orang baru.

Kesemua rebutan atau ingin mengekalkan kerusi mereka itu adalah termasuk dalam ketageri tamak dan haloba. Mereka tidak sedikit pun memikirkan masa depan negara dan pembangunannya dan apa pula tindak tanduk parti pembangkang. Yang mereka nampak ialah semata-mata untuk kepentingan diri sendiri.

Kita rasa UMNO bukanlah sebuah parti yang kekurangan dengan tokoh-tokoh muda yang berpotensi, yang berkelayakan, yang dinamik dan yang sanggup menghambakan diri mereka kepada rakyat.

Tetapi disebabkan peluang tidak dibuka atau diberikan, maka tidak dapat UMNO hendak mengemukakan muka-muka baru yang dikehendaki.

Mahu tak mahu, muka-muka lama itulah juga yang kita lihat dari satu pilihanraya ke pilihanraya yang lain. Dan akitbat dari itu, tidak ada apa-apa perubahan diperolehi, baik di peringkat negeri apalah lagi di peringkat pusat, yang sepatutnya mempunyai tokoh-tokoh yang mempunyai inisiatif dan berkaliber untuk mentadbirkan sebuah negara yang merdeka dan berdaulat ini.

Kita rasa tokoh-tokoh di bawah pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datuk Musa Hitam, selaku Presiden dan Timbalan Presiden UMNO Malaysia, sudah tentu telah memerhati akan telatah politik

tokoh-tokoh kita selama ini.

Mungkin suatu pembaharuan akan bergolak menjelangnya pilihanraya akan datang, dan seterusnya untuk menghadapi cabaran di masa-masa akan datang.

Kalau kita boleh mengambil beberapa contoh dari negara-negara jiran dalam beberapa hal, kita tidak nampak kenapa contoh yang jelas dapat kita perhatikan, di mana seseorang Menteri atau Pembantu Menteri ataupun Wakil Rakyat yang tidak memberi sebarang kemajuan, dipanggil dan diminta supaya meletakan jawatan dan digantikan dengan tokoh-tokoh muda dan yang berkebolehan?

Contoh seperti itu harus kita tiru demi untuk kebaikan cara-cara pentadbiran negara di masa depan. Dan bukan menyimpan 'besi karat' yang tidak mendatangkan sesuatu faedah atau hasil, malah merugikan semata-mata.

Dengan munculnya pucuk pemimpin baru, rakyat berdoa dan berharap semoga 'besi karat' yang menjadi penghalang atau penyekat kepada pendatang baru, disimpan segera.

Datuk Seri Dr. Mahathir sendiri pernah berucap berkali-kali bahawa kerajaan pimpinannya itu dikehendaki tenaga-tenaga yang boleh melicinkan pentadbiran dengan cekap, licin, amanah, dedikasi dan tidak rasuah.

Tenaga-tenaga seperti itu memangnya ada, kalau tokoh-tokoh lama yang sudah tidak diperlukan itu diketepikan terlebih dahulu. Dan mungkin pembersihan tokoh-tokoh lama itu akan dilakukan sebaik-baik saja pengistiharan pilihanraya dibuat tidak lama lagi.

Pendek kata, selagi adanya tokoh-tokoh yang merasakan diri mereka masih dikehendaki, sedangkan tenaga mereka sudah jijik dipandang rakyat, malah menyekat perjalanan pentadbiran dengan licin segala

urusan kerajaan, maka selagi itulah pentadbiran negara kita terus terjejas.

Sebagai sebuah negara yang telah merdeka 25 tahun lalu, sudah sepatutnya tokoh-tokoh veteran itu menarik diri mereka dengan sukarela dan diberi peluang kepada muka-muka baru dan tenaga muda tanpa menunggu sesuatu arahan dikeluarkan oleh Ibu Pejabat UMNO di Jalan Tuanku Abdul Rahman.

Beberapa contoh telah dapat kita ketengahkan untuk dijadikan tauladan dan perhatian kita beramai, atau ditimbang tilik oleh pucuk pemimpin atasan, yang mungkin tidak disedari akan kejadian-kejadian itu selama ini.

Umpamanya dua orang tokoh yang menjadi mangsa kepada bekas Menteri Besar Perlis, Datuk Haji Jaafar Hassan, iaitu En. Radzi bin Tan Sri Sheikh Ahmad dan Drs. Dahalan bin Haji Embun, yang masing-masing anak tempatan yang berkaliber dan berpotensi, ditolak.

Bagi En. Radzi Tan Sri Sheikh Ahmad, anak kepada bekas Menteri Besar pertama negeri Perlis, permohonannya untuk menjadi ahli UMNO telah ditolak, oleh Datuk Haji Jaafar Hassan.

Beliau pernah bertugas sebagai Magistrate, Presiden Mahkamah sebelum menceburkan dirinya dalam lapangan perniagaan dengan membuka syarikat Peguambela dan Peguamcaranya di Kuala Lumpur, Alor Setar dan di Perlis.

Seorang tokoh muda yang bergiat cergas dalam sukan bolasepak dan telah dilantik menjadi Naib Ketua Persatuan Bolasepak negeri Perlis, telah diterima oleh UMNO Kelang, Selangor untuk menjadi ahlinya.

En. Radzi pernah memegang Ketua Pemuda Cawangan dan Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Shah Alam, sebelum beliau berpindah dan menjadi ahli di Perlis.

Sementara seorang tokoh lagi, ialah Drs. Dahalan Haji Embun yang pernah bergerak cergas 10 tahun lalu di Arau, Perlis tetapi Datuk Haji Jaafar Hassan telah menasihatkannya supaya pergi mendalamkan lagi ilmu pengetahuan sebelum menceburkan diri ke dalam politik. Apabila sudah mempunyai didikan dari segi akademik yang cukup dan boleh membantu politik setempat, beliau telah dianggap sebagai masih mentah dan tidak berkelayakan.

Drs. Dahalan Haji Embun hari ini telah memegang jawatan terpenting di dalam sebuah anak syarikat kepada Bank Pertanian Malaysia, iaitu PKM Niaga Sdn. Bhd. sebagai Pengurus Bahagian Industri, di Ibu Pejabatnya di Kuala Lumpur.

Hari ini kedua-dua tokoh tersebut telah bersedia untuk pulang ke Perlis untuk memberi segala tenaga dan fikiran mereka yang telah cukup matang itu untuk membantu dan membimbing seramai lebih 120,000 penduduk negeri itu ke arah kemakmuran, kemajuan dalam mencapai kematlamat pencapaian 30 peratus penyertaan Bumiputera dalam bidang perniagaan dan ekonomi.

Malah kedua-dua telah pun bersiap sedia memberi segala tumpuan dengan mereka meletakan diri untuk kembali menghambakan kepada rakyat.

Kedua-dua mempunyai kelulusan tinggi dan kedua-duanya telah diterima oleh rakyat bawahan, kecuali segelintir tokoh-tokoh veteran yang agak keberatan untuk menerima mereka dan memberi peluang untuk berkecimpung di dalam politik Perlis.

Perlis sebenarnya ramai tokoh-tokoh muda, tapi telah tidak diberi peluang.

Begini juga di negeri Pahang yang bergolak tidak habis-habis dari satu Menteri Besar kepada Menteri Besar yang lain. Tapi yang ketara dan yang mengemparkan ialah, semasa Haji Abdul Rahim Abu Bakar.

menjadi Menteri Besar Pahang.

Sebagai seorang anak nelayan yang pertama menduduki di atas kerusi tertinggi di dalam pentadbiran kerajaan negeri Pahang, ramai yang kurang senang dengan kemunculannya secara mendedak.

Bekas Perdana Menteri, Tun Hussein Onn sejurus selepas pilihanraya umum 1978, telah menunjuk nama Abdul Rahim Bakar menjadi Menteri Besar baru kepada pihak Istana. Tetapi namanya telah ditolak dan menjadi kontraversial sehingga 7hb. November, 1981, bila mana beliau diputuskan oleh Majlis Kerja Tertinggi UMNO untuk menamatkan jawatannya itu sebagai Menteri Besar pada saat itu juga dengan digantikan kepada Datuk Abdul Rashid bin Abdul Rahman, EXCO kanan.

Dilemma yang mengoncangkan politik Pahang berpunca kerana adanya tokoh-tokoh veteran yang tidak mahukan muka baru, muka yang tidak berkepentingan diri tapi berjiwa rakyat yang tiak seronok dengan sikap seumpama itu.

Bermacam helah, berbagai tomah dan beranika fitnah telah dilemparkan sehingga kedudukan Haji Abdul Rahim Bakar itu terumbang-ambing di dalam politik Pahang dibuat atau dikerjakan oleh orang-orang.

Sedangkan tenaga anak nelayan yang berjiwa rakyat itu sangat-sangat dikehendaki oleh ramai sebilangan besar rakyat Pahang.

Selain daripada bekas Menteri Besar yang menjadi mangsa kekejaman segelintir manusia ini, terdapat juga beberapa orang lepasan universiti yang telah tersingkir dari menduduki kerusi-kerusi Ahli Jawatan-kuasa Bahagian, apabila nama mereka diketengahkan.

Ini termasuk bekas Magistrate, En. Omar bin Haji Othman, En. Amir Hamzah Ahmad, Bekas Penolong Pegawai Daerah dan beberapa orang guru lepasan

universiti yang bergiat cergas dalam politik sejak beberapa tahun yang lalu, tapi diketepikan.

Bagi En. Omar Haji Othman, berkali-kali namanya telah diputuskan oleh Cawangan untuk duduk di dalam Bahagian, tapi telah disingkirkan dan begitu juga keadaannya dengan Penolong Pegawai Daerah serta Guru-guru itu.

Hal yang serupa pernah berlaku ke atas diri bekas Menteri Besar Pahang itu sendiri, bilamana namanya telah disingkirkan. Tapi atas desakan Cawangan yang membawa usul nama Haji Abdul Rahim Bakar mama secara tergesa-gesa nama bekas Menteri Besar itu disenaraikan. Dan dengan kehendak para hadiran nama Haji Abdul Rahim Bakar telah mendapat undi yang paling banyak untuk menduduki di tempat yang paling atas sekali.

Beginilah keadaannya dengan sikap tidak jujur, lambat laun ia akan terdedah. Dan apabila terdedah, ke mana hendak di sorok muka.

\* \* \* Memang kita tahu bahawa politik itu kotor, tapi ia telah dikotorkan oleh ahli-ahli politik itu sendiri.

Dan terdapat juga tokoh-tokoh veteran apabila menyaksikan munculnya tokoh-tokoh muda atau muka-muka baru yang boleh menggugat mereka, mulalah mereka mendekati ataupun menyuruh orang-orang kuat mereka menghampiri seseorang itu untuk menarik diri dari turut bertanding menentang mereka.

Ataupun muka-muka baru ini ditawarkna dengan satu-satu jawatan ataupun memberi peluang kawasan-kawasan kayu balak, tanah perumahan atau sebagainya, asalkan kedudukan mereka tidak tergugat.

Sikap seperti ini berlaku di mana-mana. Dan dengan itu timbulah penyelewengan dengan menggunakan kekuasaan, wang ringgit atau sebagainya untuk meletakkan seseorang itu tunduk dan menjadi orang kuat tokoh-tokoh veteran itu.

Secara tidak langsung tokoh veteran tadi akan terus kekal memegang jawatan itu buat satu penggal lagi. \*

- Kejadian seperti ini juga berlaku di peringkat Cawangan, Bahagian Negeri dan Pusat.

Kalau kita perhatikan dengan mendalam, UMNO bukanlah sebuah parti yang mundur dengan tokoh-tokoh berkebolehan, malah mereka masih patuh sekali-pun nama mereka diketepikan. Mereka bergerak secara sendiri-sendiri, tapi apakan daya terdapat tokoh-tokoh yang berkepentingan diri sendiri yang menjadi batu penghalang, maka muka-muka baru ini terus tidak kelihatan langsung.

Sehingga bilakah tindakan kolot oleh tokoh-tokoh veteran itu hendak diamalkan dalam arena politik seperti ini. Tidakkah mereka sedar bahawa dengan sikap kejahilan itu, kelak akan menikam diri mereka sendiri, apabila tingkah laku itu diketahui ramai.

Hari ini, rakyat sudah dapat membaca dan berani bertindak sesuatu kalau sudah dirasakan perbuatan itu sebagai menghalang dan merugikan parti. Mereka tidak lagi mahu diheret hidung mereka dengan tali, macam kerbau. Mungkin dahulu, tokoh-tokoh seperti ini boleh melakukan kepada orang-orang kampung.

Apa yang dikatakan itu benar belaka. Dan tidak sesiapa berani menegur atau menentang. Malah mereka menganggap diri mereka itu sebagai Pegawai kerajaan.

Tetapi sikap seperti itu tidak lagi dapat diamalkan oleh tokoh-tokoh politik tersebut, kerana sebagai suatu contoh yang jelas dapat kita bandingkan ialah, di mana satu kejadian telah berlaku, bila mana Setiausaha Bahagian telah menumbangkan Ketua Bahagian, yang juga Timbalan Menteri kerajaan Pusat dalam pemilihan Ketua Bahagian di Parit Buntar, tidak lama dahulu.

Dan tindakan seperti itu tidak mustahil boleh berlaku di mana-mana saja, kalau sikap seseorang tokoh itu sudah keterlaluan dan melupakan tanggungjawab mereka sebagai hamba rakyat.

Sebenarnya rakyat meminta tokoh-tokoh itu datang sujud ke kaki kita, tapi biarlah berpatutan dan menasabah, dan kalau mereka boleh datang ke kampung dan meredah bukit bukau dan menyingsing seluar dengan berjalan kaki masuk ke kampung-kampung sebelum pilihanraya atau sebelum menjadi Ketua, kenapa mereka tidak boleh datang lagi selepas mereka telah terpilih.

Sikap 'kacang lupakan kulit' ini sering sangat berlaku. Dan kalau nak dikatakan masih mentah, negara kita telah merdeka 25 tahun lalu dan sudah hampir enam penggal pilihanraya yang mana pucuk pemimpin silih berganti, masakan mereka masih mentah dan masih bersikap ke tuanan.


Dan sehingga setakat ini, kita rasa sudah boleh dibilang berapa ramaikah Pak-pak Menteri, ahli-ahli Parlimen, ahli-ahli EXCO dan ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, yang sudah sepatutnya meletakan jawatan masing-masing dari menjadi Wakil Rakyat dan diberi kepada tokoh-tokoh lain.

Tetapi kita tidak akan terperanjat, kalau ramai tokoh-tokoh veteran ini yang menyangkakan nama mereka akan terpilih, tapi telah digugurkan dalam pemilihan calon oleh Presiden dan Timbalan Presiden, tidak lama lagi.

Dan kita juga tidak terperanjat bilamana ramai tokoh-tokoh veteran yang begitu yakin menerus mengelakkan kerusi mereka itu, tiba-tiba saja dimasukkan ke Hospital kerana mengidap sakit jantung dan sebagainya.

Mengapa tidak hutang yang masih belum dijelaskan, projek yang terkandas dan bermacam-macam lagi

**usaha sendiri tidak dapat dibereskan, sedangkan tokoh-tokoh itu tidak lagi menjadi calun.**




*En. Radzi bin Tan Sri Sheikh Ahmad, anak bekas Menteri Besar Perlis, yang telah ditolak permohonannya untuk menjadi ahli UMNO di negerinya sendiri oleh Datuk Jaafar Hassan. Tapi beliau telah diterima menjadi ahli di Kelang, Selangor. Sekarang sudah pulang dan aktif dan politik dan sukan sebagai Naib Ketua Persatuan Bola Sepak Perlis. Beliau seorang peguam dan berketalohan untuk menjadi Menteri Besar negeri itu.*



*En. Omar bin Haji Othman, bekas Majistrate yang telah mencabar ketokohan Tan Sri Ghazali Shafie, dalam merebut Ketua Bahagian Lipis baru-baru ini, pernah dilantik dari kemunculannya untuk berjaya cergas dalam politik oleh tokoh-tokoh veteran. Hari ini beliau telah mendapat tempat di kalangan rakyat jelata.*

*Tuan Haji Ahmad Ramly, Ketua UMNO Cawangan Batu 12, Tanjung Karang, yang secara tulus ikhlas menderma wang keceknya sebanyak \$3,000 untuk tujuan mengadakan mesyuarat agung Cawangannya itu.*

*Beliau mengakui bahawa wang itu bukan bertujuan untuk sesuatu tetapi wang itu adalah sekadar untuk menjamu selera dalam mesyuarat tersebut*




*Dr. Dahalan bin Haji Embun, Pengurus Perindustrian KPM Niaga anak syarikat Bank Pertanian, pernah disuruh oleh bekas Menteri Besar Perlis, Datuk Jaafar Hassan supaya jangan menceburkan dirinya dalam politik.*

*Kini beliau telah bergerak cergas di Bahagian Arau, Perlis.*




*"Ih berseri, senyum teruris entah apakah yang mengusik jiwa, Datuk Muisa Hitam, En. Ghafar Baba Tengku Razaleigh Hamzah asyik di perhimpunan agung UMNO Jun, 1981 lalu.*






Jatam bersataman sudah menjadi adut turun temurun orang-orang Melayu. Segala salut siap turap di-maafkan, En. Ghafar Baba sebagai berkata kepada Datuk Musa Hitam,

Dua tokoh veteran dari Utara, Dauk Senu Abdul Rahman dan En. Mohd Khair Johari, adalah di antara





*Tiga negarawan sedang asyik berblincang sesuatu. Kelihatan dari kiri Tunku Abdul Rahman, Tun Hussein Onn dan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.*

*Penulis serta para wartawan sedang bertemu ramah dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Turut sama ialah Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Rais Yatim di Ibu Pejabat UMNO, Kuala Lumpur.*



Tan Datu Mustafis Dato' Harun telah disambut dengan meriahnya se tibaanya dari London di lapangan terbang Tawau Sabah.





Datuk Haji Harrun Idris bersama-sama dengan Datuk Seri Syed Nahar Sabobuddin, Menteri Besar Kedah dan Datuk Abdullah Ismail, Speaker Negeri Kedah sedang berbual-bual sesuatu, mungkin soal politik.

*Eh, Lee Lam Thye, Timbunan Setiausaha Agung DAP sedang berdahiq dengan settingan di kawasanya*



Entah apa yang disengah oleh Puon Marina Yusuf sehingga Datuk Shariff Ahmad tiba-tiba begitu rupa.  
Tapi Dr. Nawawi Mat Awin tidak ambil kisah.





Tun Datu Mustaffa bin Datu Harun begitu terharu ketika mendapat berita yang Tan Sri Ghazali Shafie jatuh terhempas di Bukit Janda Balk. Kedua-dua sedang berpeluk-peluk kerana bersukuran masih dapat bersua dan boleh berbicara.



Husslein Mohd Zain, bekas ketua Pemuda Baling sedang menyampaikan cenderamata kepada Datuk Harun Idris, ketika Datuk Haji Harun melawat ke Baling tidak lama dahulu.



*Datuk Haji Horun Idris sedang berbual-bual dengan beberapa orang tua di Kuala Langat, semasa beliau membuat lawatan tidak rasminya ke kawasan itu.*

## **RAMAI TOKOH-TOKOH PENTINGKAN NIAGA DARI BERPOLITIK**

TOKOH-TOKOH politik yang jujur dan tokoh-tokoh palsu atau lebih tegas lagi tokoh-tokoh oportunistis sudah dapat diukur oleh rakyat-rakyat di kaki lima hari ini.

Mereka lebih matang dari apa yang kita sangkakan. Dan mereka dapat membaca tiap-tiap seorang tokoh politik kita hari ini, yang mana jujur dan yang mana oportunistis. Bukanakah itu suatu kemajuan.

Kalau rakyat dari peringkat grass-root sudah boleh mengukur tokoh-tokoh kita di atas, masakan tokoh-tokoh atasan tidak dapat mengukur kewibawaan tokoh-tokoh tersebut, yang secara langsung duduk di bawah kelolaan mereka.

Hari ini, singgah saja di kedai-kedai kopi, warong-warong, atau di perhentian bas ataupun di Masjid atau Surau, kita akan terdengar rungutan orang ramai, tentang ahli-ahli politik kita yang berselerak di seluruh pelusuk tanahair.

Dan jangkauan pemikiran mereka bukan saja ke arah politik tanahair dan sekitar kampong mereka sahaja, bahkan melarat ke Sabah dan Sarawak. Mereka turut mengikuti perkembangan politik di luar kawasan kampong mereka dan setiap hujah yang mereka luah-

kan itu, memang sedang bergolak ketika ini.

Malahan mereka dapat mengikuti politik luar negeri seperti di Timur Tengah, Asia Tenggara, Eropah atau pun politik Amerika Syarikat.

Begitulah kematangan yang telah dicapai oleh rakyat kita hari ini.

Dengan lain-lain perkataan, segala tindak tanduk ahli-ahli politik kita, sudah tentu tidak menghairankan kita semua.

Mereka telah dapat membaca setiap gerak geri tokoh-tokoh termasuk pak-pak Menteri yang memegang teraju pemerintahan negara, tokoh-tokoh di peringkat negeri ataupun wakil-wakil yang telah terpilih untuk mempertanggungjawabkan segala amanah yang pernah diberikan oleh rakyat ramai kepada mereka.

Jadi, kalau rakyat yang memilih dahulu membuat pengukuran di atas kewibawaan seseorang tokoh politik yang ada hari ini, tidak dapat tidak sedikit sebanyak kata-kata mereka itu ada tepatnya.

Malahan rakyat grass-root ini sudah dapat mengukur siapakah pucuk pemimpin di atas yang layak dan yang jujur mentadbirkan negara ini dan yang mana pula yang sudah seharusnya diketepikan.

Dan rakyat juga mempercayai bahawa Presiden dan Timbalan Presiden UMNO sudah meniliti serta menguji selama ini, yang manakah intan dan yang mana puia kaca.

Untuk memastikan nilai-nilainya, pemilihan calon nanti adalah masa yang tepat yang mana satu intan dan kacanya.

Apa yang menjadi tajuk perbualan rakyat bawahan di serata kampung dan bandar seluruh pelusuk tanahair kita dewasa ini, ialah berkisar dengan ketidak dedikasinya wakil-wakil yang dipilih oleh rakyat.

\* \* Kejujuran sudah menjadi suatu persoalan ramai. Kerana apa yang dijanjikan semasa sebelum pilihan-

raya adalah bertentangan dengan apa yang dilaksanakan selepas mereka terpilih. \*

Ke mana perginya janji-janji yang pernah dibuat dahulu, tidak sesiapa mengetahuinya. Dan disebabkan sikap ketidak jujurnya setengah-setengah wakil rakyat yang dipilih itu, menyebabkan sebilangan ramai wakil-wakil rakyat lain turut menjadi sasaran ramai.

Dan orang-orang yang ketidak jujur inilah yang sering menjadi perbualan rakyat di kaki-kaki lima setakat ini. Dan tokoh-tokoh itu seharusnya lah disuruh berhenti saja. Kerana kalau tenaga mereka masih diberikan lagi, nescaya mereka akan merosakan imej negara dan menjelaskan cita-cita kerajaan hendak meninggikan taraf hidup rakyat yang kurang berada kepada kedudukan yang sewajarnya.

Ini disebabkan ramai tokoh-tokoh oportunistis yang mementingkan diri itu akan terus menindas dan tidak akan mempedulikan kemiskinan rakyat yang memerlukan tenaga mereka.

Kerana tokoh-tokoh ini terlalu sibuk untuk menguruskan perniagaan mereka dan tanggungjawab sebagai pengarah di syarikat itu dan pengurus di syarikat ini, hingga kesusuhan rakyat tidak langsung dihiraukan.

Cuma yang mereka fikirkan ialah bagaimana hendak mengejar kesenangan dan kekayaan cepat. Tapi hingga setakat ini tidak juga kelihatan ramai tokoh-tokoh politik jenis oportunistis ini kayaraya.

Cuma yang dapat kita lihat hanya memiliki kereta Mercedes Benz atau Volvo yang berhawa dingin dengan sebuah rumah atau sedikit wang simpanan yang tidak sebanyak mana.

Segala kemewahan itu adalah hasil dari kerjasama atau usahasama dengan taukeh-taukeh Cina yang memperlakukan diri mereka sebagai orang perantaraan,

yang mana ahli-ahli perniagaan sekarang ini memerlukan tenaga Bumiputera turut sama dalam satu-satu perniagaan itu.

Dengan meletakan seorang dua tokoh-tokoh politik di dalam syarikat perniagaan tersebut, besar kemungkinan banyak peluang perniagaan akan dapat disalurkan kepada syarikat ini, kerana adanya campurtangan tokoh-tokoh oportunistis tersebut.

Memadailah dengan pembayaran sugu hati sebanyak \$2,500 atau \$3,000 sebulan dengan kereta percuma yang diberikan oleh syarikat tadi.

Ramai yang beranggapan wang tersebut adalah sebagai upahan tenaga mereka, tapi bukannya wang gaji yang telah mereka gunakan tenaga dan fikiran untuk syarikat tersebut. Kerana pendapatan syarikat tersebut kalau dikira bukanlah memadai dengan wang syarikat tersebut kalau dikira bukanlah memadai dengan wang sebanyak yang diperuntukan itu. Tapi dik kerana kebodohan ketidak erti ny tokoh-tokoh ini dalam lapangan perniagaan yang mereka cebori itu, maka sebanyak itu dirasakan sudah banyak.

Sebenarnya pendapatan purata syarikat tersebut tiap-tiap bulan ratus ribu banyaknya.

Dan apabila seseorang tokoh-tokoh itu telah menceborkan dirinya dengan syarikat-syarikat tertentu, maka masa bagi mereka hendak menumpukan masa ke kawasan-kawasan pilihanrayanya sudah tentu tidak ada, kerana mereka terpaksa mengejar ke pejabat itu dan terkejar pula ke mesyuarat ini.

Dan itulah sebab-sebabnya mengapa Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bertindak tegas dengan mengarahkan setiap ahli EXCO, Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen, Timbalan-timbalan Menteri hinggalah kepada Menteri-menterinya supaya memilih kata dua samada hendak berkhidmat kepada rakyat ataupun

menumpukan kepada perniagaan mereka.

Kata dua Perdana Menteri itu, memang kesat tetapi beliau terpaksa bertindak demikian demi untuk kepentingan rakyat ramai, yang telah memilih mereka menduduki di tempat yang mereka pegang itu.

Sungguhpun saranan itu dibuat, masih lagi terdapat ramai yang terus menjalankan tugas-tugas perniagaan mereka seolah-oleh tidak mahu menerima apa yang telah ditegaskan oleh Perdana Menteri.

Dengan terang-terang sikap dan tindakan setengah-setengah daripada tokoh-tokoh ini menunjukkan keangkuhan, kesombongan dan kedegilan mereka.

Malah terdengar ramai daripada tokoh-tokoh veteran ini sudah pun merangkak-rangkak ke rumah dan ke pejabat pak-pak Menteri untuk memberikan mereka peluang sekali lagi menjadi calun dan turut bertanding di dalam pilihanraya umum akan datang.

Ini adalah disebabkan hutang di sekeliling pinggang, pinjaman bank yang masih belum dijelaskan lagi dan banyak lagi yang hendak mereka bereskan yang masih tergantung-gantung dileher mereka.

Tokoh-tokoh inilah yang menghalang segala perjalanan pentadbiran baik di peringkat negeri maupun pusat yang menjadi batu penghalang kepada kerajaan kita.

Mereka ini bukan saja mengganggu perlaksanaan pencapaian 30 peratus Bumiputra dalam DEB yang dilancarkan oleh kerajaan, tapi juga menyekat kelincinan perjalanan politik tanahair kita dengan lebih teratur, di semua peringkat.

Ini kita berdasarkan kepada apa yang telah dan sedang berlaku sekarang ini, bilamana tokoh-tokoh ini sudah menjadi orang suruhan kepada sesbuah syari-kat atau taukeh-taukeh yang mengikat mereka dengan segala gerakan berpolitik secara bebas.

Mungkin ramai menyangkalkannya, tetapi secara tidak disedari apabila mereka sudah menjadi pengarah atau pengurus sesebuah syarikat, apakah perlaksanaan dan susunan politik yang benar-benar memberi keuntungan kepada Bumiputera di kampung-kampung dan di pendalaman menikmatinya.

Kita dapat menyaksikan dengan kaca mata kasar, di beberapa kawasan pilihanraya baik di kawasan negeri maupun kawasan Parlimen di mana banyak projek-projek yang sepatutnya sudah sampai ke tempat itu, tetapi masih tidak ada apa-apa usaha yang menunjukkan ia akan dilaksanakan.

Beberapa contoh yang dapat kita lihat ialah seperti di kawasan Tanjung Karang, Selangor di mana tokoh veteran mewakili kawasan itu sejak 1964, tetapi bandar tersebut masih seperti dahulu lagi. Seolah-olah sebuah bandar 'Cowboy' lakunya.

Begitu juga dengan keadaannya di kawasan Sabak Bernam di mana kawasan itu pernah diwakili oleh Datuk Mustaffa Jabar (sekarang Senator dan Setiausaha Agong UMNO) masih lagi seperti sedia kala yang pernah dilawati oleh Tunku Abdul Rahman Putera dan allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, bekas Perdana Menteri Malaysia pertama dan kedua.

Di Perak, betapa kawasan Batu Kurau, Selama dan Grik di mana kawasan-kawasan ini pernah diwakili oleh bekas Menteri Besar dan Menteri Besar sekarang yang mana kawasan-kawasan itu masih mundur dari segi pembangunan dan infrastrukturnya. Sementara di Kedah terdapat beberapa kawasan yang masih lagi tidak mempunyai jalanraya yang sempurna, seperti di kawasan Padang Terap, yang diwakili oleh bekas Menteri Besar dan bekas Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Datuk Syed Ahmad Sahabuddin.

Di negeri itu hingga ke hari ini terdapat beberapa kawasan bandar yang tidak dapat menikmati kemu-

dahan asas sebagaimana di bandar-bandar lain, seperti kemudahan air dan lampu letrik.

Sedangkan negara kita sudah sewajarnya dilengkapi dengan segala kemudahan asas yang sempurna, setelah sekian lama kita mencapai kemerdekaan.

Ini mungkin disebabkan setengah-setengah kawasan yang masih tidak menerima kemudahan asas itu, berpunca dari kawasan-kawasan itu diwakili oleh parti pembangkang.

Masalah ini tidak boleh dijadikan alasan. Rakyat, samada yang menyikong kerajaan ataupun pembangkang, sepatutnya mendapat kemudahan asas itu.

Dan kemenangan pihak pembangkang juga tidak boleh kita persalahkan rakyat yang mengundi dan menyikong mereka.

Sokongan itu diberikan kepada pembangkang adalah disebabkan kelalaian dan ketidak dedikasi serta tidak bertanggungjawab yang hendak merekaampaikan kepada kerajaan, dalam masa tempuh mereka menjadi wakil rakyat.

Kalau mereka fikirkan wakil rakyat penggal ini tidak menjalankan tugas dan tanggungjawab itu, maka di lain penggal akan mereka pilih calun lain. Tetapi segala projek kerajaan, tidak boleh diukur dari segi wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat.

Kekalahan seseorang calun itu adalah berpunca dari kecuaian wakil rakyat itu sendiri, dan pihak parti yang meletakan calunnya itu harus bertindak menghukum dan mendenda ke atas calun tersebut dan bukan ke atas rakyat yang tinggal di kawasan itu dengan menyekat dan membekukan segala projek kerajaan.

Kalau amalan seperti ini diteruskan, maka selagi itulah rakyat akan terus merasa kebosanan dan selagi itu jugalah rakyat akan memilih sesiapa yang boleh menjadi wakil mereka di dalam Dewan Negeri dan Parlimen.

Kita berharap semoga kata-kata pucuk pemimpin kita yang memesan kepada rakyat sejurus selepas pilihanraya umum bahawa jangan ada salah faham dan jangan lagi bermusuh-musuhan di antara satu sama yang lain, dapat dikekalkan.

Biarlah setiap pemilihan rakyat ke atas wakil mereka itu dianggap sebagai wakil rakyat. Dan semua yang dikemukakan itu akan dilayan seperti wakil rakyat biasa.

## **ADA PEMIMPIN-PEMIMPIN PARTI SALAHGUNA KUASA**

APABILA pendedahan yang dianggap berani, tegas dan tepat kepada setengah tokoh-tokoh politik atau pemimpin-pemimpin parti yang menyalah gunakan kekuasaan, oleh Naib Presiden UMNO Malaysia, Datuk Harun Haji Idris, masing-masing terasa betapa pedasnya cili yang dikunyah mereka.

Pendedahan itu yang di antara lain menyebut sebagai berkata, adanya setengah-setengah pemimpin parti menyalahgunakan kuasa dengan memberi kawasan kayu balak, tanah dan lain-lain keistimewaan lagi kepada pemimpin-pemimpin peringkat bawah dengan tujuan untuk menarik ahli-ahli parti menyokong mereka. \*

Tegas Datuk Harun Haji Idris, beliau juga bimbang kerana terdapat di antara pemimpin-pemimpin itu yang berkuasa tadi telah menggunakan wang ringgit konon menabur budi supaya ahli-ahli parti mengundi mereka semata-mata untuk memperkuat dan memperkuuhkan lagi kedudukan mereka, dari masa ke masa.

Ini adalah suatu pendadahan yang benar-benar dianggap berani dan tepat kena kepada tokoh-tokoh

atau pemimpin-pemimpin yang sedang berada di dalam kekuasaan hari ini. Dan juga sebagai suatu panduan kepada bakal-bakal calun yang hendak menjadi wakil rakyat atau pemimpin di masa depan.

Jangan menyangkakan bahawa selama ini tidak seorang pun berani untuk mendedahkan perkara-perkara yang terkutuk itu.

Sebagaimana yang kita katakan di atas tadi bahawa, kalau yang buruk itu yang diamalkan, lambat laun, ia akan terdedah dan akan didedahkan.

Hari ini, tidak sesiapa takut kepada sesiapa, kalau perbuatan seseorang itu tidak kena pada tempatnya.

Mungkin selama 25 tahun kita telah merdeka ini, tidak seorang pun yang sanggup dan berani mendedahkan permainan kekuasaan yang ada pada seorang tokoh atau pemimpin itu. Tapi dengan kedewasaan berpolitik kita hari ini, tentu ada salah seorang tokoh yang sanggup kehadapan dan membentangkan apa yang dirasakannya perbuatan atau permainan politik seseorang itu tidak betul, dan ia harus dibetulkan segera, kalau negara ingin terus berkuasa dengan cara amalan demokrasinya.

Mungkin pendedahan oleh Datuk Harun Haji Idris itu, terkena kepada ramai batang hidung tokoh-tokoh kita hari ini, tetapi demi untuk kepentingan parti lebih dari kepentingan diri sendiri, maka pendedahan itu dianggap amat sesuai.

Beliau bertindak demikian untuk menjaga nama baik UMNO. Dan ia juga akan membuka mata ramai tokoh-tokoh dan pemimpin-pemimpin dewasa ini, yang pucuk pemimpin UMNO di atas sudah sedar akan permainan politik kotor mereka itu.

Tindakan itu, sudah pasti mempunyai bukti nyata, sebelum beliau dapat bertindak untuk mendedahkan penyelewengan yang tidak seharusnya berlaku oleh tokoh-tokoh tersebut.

Datuk Harun Haji Idris sebagai sifatnya orang ketiga pentingnya di dalam UMNO, sudah sepatutnya membongkarkan permainan di sebalik tabir yang telah menjadi permainan ramai tokoh-tokoh politik tanahair.

( Ramai mengenali Datuk Harun Haji Idris, bekas Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia yang tidak suka berselindung, turut mengakui bahawa adanya tokoh-tokoh yang menggunakan kekuasaan mereka dengan memberi kawasan kayu balak, tanah dan lain-lain keistimewaan untuk kepentingan diri sendiri. )

Dan tidak menghairankan juga adanya tokoh-tokoh yang menggunakan wang ringgit mereka untuk mengekalkan kedudukan mereka, dengan menaburkan beratus malah beribu ringgit kepada orang ramai.

\* Perkara ini tidak perlu sesiapa menafikannya. Semua orang tahu. Dan kejadian ini bukan saja di dalam UMNO, yang dimaksudkan oleh Datuk Harun Haji Idris, bahkan semua parti politik telah menaburkan wang ringgit mereka untuk tujuan yang sama, iaitu mengekalkan kekuasaan masing-masing.

Kejujuran di dalam berpolitik hari ini, sudah bertukar kepada politik wang ringgit.

Sesiapa ada wang, orang itulah yang berkuasa. \* \* \*  
Dan kalau permainan ini berterusan, UMNO lambat laun akan hancur dan akan musnah kerana berapa kerat sahaja tokoh-tokoh UMNO yang benar-benar boleh menaburkan wang yang begitu banyak.

Apa yang ditakuti ialah, wang itu didatangkan dari sumber lain dan ditaburkan kepada orang-orang kampung dan tokoh yang berjaya mengekalkan kekuasaan itu adalah orang-orang yang ditunjuk oleh gulungan-gulungan yang tidak diingini.

Ini boleh berlaku, kalau wang sudah menjadi permainan politik. Siapa ada wang dia adalah yang berkuasa.

Kepada unsur-unsur jahat atau yang tidak diingini, wang sentiasa boleh ditaburkan, asalkan cita-cita me-

reka tercapai dan terlaksana. Akhirnya, kekuasaan politik yang masih berada di dalam kekuasaan Bumiputera, akan terlepas kepada orang-orang Bumiputera lain, tapi berlainan pendoman dan 'berlainan ideologi.

Pendedahan Naib Presiden UMNO itu bukan kerana rasa dendamnya ke atas sesiapa, tetapi kerma rasa kasih dan sayangnya kepada UMNO yang tidak mahu ia terlepas ke tangan yang tidak bertanggungjawab.

Maksudnya, terlepas ke tangan tokoh-tokoh yang boleh dijadikan alat oleh gulungan-gulungan tertentu.

Hari ini kekayaan dan kekuasaan adalah penting, biarpun seseorang itu di hamba abdikan.

Kerana ketokohan seseorang itu mungkin boleh diperalatkan oleh orang lain apabila keadaan hidupnya terhimpit dan tertekan, sedangkan kemampuan dan kebolehannya memang ada. Inilah kesempatan yang akan digunakan oleh gulungan-gulungan ini.

Ataupun tokoh-tokoh yang putus asa (frasterated politician) yang gagal dipilih menjadi calun, boleh juga didekati oleh gulungan-gulungan anasir ini.

Mereka sanggup ke mana-mana, kalau ada orang yang bersedia membantunya dengan kewangan. Apabila ini boleh terjadi, maka kejujuran berpolitik itu samada seseorang itu mengakui dirinya seorang Bumiputera yang beragama Islam, nescaya lambat laun orang itu akan tunduk kepada arahan-arahan orang yang di belakangnya dan sanggup menikam bangsa, negaranya dan agamanya sendiri.

Inilah akibat politik wang ringgit, kalau diamalkan oleh tokoh-tokoh politik kita.

Dan kebetulan pula orang-orang kita sudah menjadi semula jadi dan darah dagingnya di mana perasaan hasat dan dengki (PHD) sentiasa mengalir di tubuh mereka.

Pendek kata, ada saja hasutan dan bersedia pula

orang-orang yang mempunyai kewangan untuk membantu mereka bertanding dan sanggup membeli para pengundi dengan menaburkan wang ringgit yang banyak, pasti mereka bersedia untuk menjadi calun.

Tokoh-tokoh atau pemimpin-pemimpin ini tidak sama seperti yang didedahkan oleh Datuk Harun Haji Idris di atas tadi.

Tetapi lama kelamaan, orang-orang seperti ini mungkin terperangkap dengan jerat kewangan itu juga.

Berapa lama mereka hendak menaburkan wang dan sampai bilakah mereka akan mengamalkan praktik itu.

Rakyat tentu mahu tokoh-tokoh yang bersedia membantu mereka, dan rakyat juga dapat mengukur tokoh yang jujur dan yang palsu, sekalipun ada tokoh-tokoh yang menaburkan wang tetapi pada hari mengundi, mereka akan berpaling tadah.

\* \* \* Tetapi yang anehnya, dalam sibuk-sibuk orang memperkatakan penyelewengan ini sedang berleluasan, dan sejak sebelum Datuk Harun Haji Idris mendedahkannya lagi pun orang ramai sudah menyedari akan penaburan wang yang begitu mewah oleh tokoh-tokoh terkemuka untuk memancing undi dari pada orang ramai, tiba-tiba Datuk Hormat Rafie, Menteri Besar Selangor dengan gagah dan tidak malu-malu, sanggup mencabar Naib Presiden UMNO yang juga Ahli Biro Politik UMNO Malaysia, duduk di bawah Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, untuk memberi bukti yang UMNO Selangor dan Wilayah terlibat dalam penyelewengan tersebut.

Cabarannya Datuk Hormat Rafie itu telah membuat kucing dan katak turut mempertawakannya.

Menurut Menteri Besar Selangor itu, buktikan segalal tuduhan yang mengatakan bahawa pemimpin-pemimpin Selangor naik ke atas dengan mengguna-

kan wang ringgit mereka.

Tegas beliau, perkara ini akan diketengahkan kepada Presiden UMNO untuk pengetahuan beliau.

Tetapi pada sebaliknya pula Senator Abdul Razak Abu Samah, Ketua Bahagian UMNO Damansara, mengakui bawah adanya penyelewengan dengan menggunakan wang ringgit oleh setengah-setengah tokoh untuk mengekal dan menaik ke atas. 

Sebagai suatu pandangan, kalau seluruh rakyat tahu, semua orang di kaki lima pernah menerima wang ringgit daripada tokoh-tokoh tertentu, sedangkan Ketua Perhubungan UMNO Selangor sendiri tidak tahu, bagaimana caranya yang dapat kita perkatakan.

Datuk Hormat Rafie perlu mendalami akan hujah-hujah Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, yang telah kita perturunkan di atas tadi bahawa, beliau mahukan sebuah kerajaan di bawah pentabirannya sebagai sebuah kerajaan yang bersih, jujur, amanah dan tidak rasuah.

Dan tanggungjawab yang diberikan kepada Datuk Harun Haji Idris selaku ahli Biro Politik UMNO Malaysia yang menjadi tulang belakang di dalam Barisan Nasional, supaya membersihkan segala penyelewengan yang tidak sihat itu dari diamalkan oleh tokoh-tokoh yang sedang bermain di bawah telunjuk Datuk Hormat Rafie sekarang ini.

Kalau tokoh-tokoh itu berleluasa dan masih Datuk Hormat Rafie tidak menyedarinya, tidak ada sesiapa yang dapat memperkatakannya lagi melainkan Presiden UMNO Malaysia sahaja yang dapat memutuskan-nya nanti.

Kita rasa niat Datuk Harun Haji Idris membuka pekong yang selama ini terlalu busuk bagaikan bangkai itu, bukanlah untuk merendah-rendahkan kewibawaan seseorang, termasuk Menteri Besar Selangor atau Ketua-ketua Bahagian di dalam Wilayah, tetapi

sekadar hendak menasihatkan sahaja.

Semua orang tahu pemimpin politik wang ringgit di Sabah dalam pilihanraya umum Mac, 1981 lalu. Semua rakyat Malaysia tahu. Dunia juga mengetahuinya, bagaimana wang ringgit bertabur dengan bebas. Ini tersebar luas di akhbar-akhbar dan majalah-majalah.

Ramai ahli-ahli politik dari Semenanjung Malaysia turut menerima wang ringgit itu dari tokoh-tokoh politik di Sabah.

Dan begitu juga ramainya ahli-ahli politik dari sini yang menerima wang ringgit dari kerajaan Sabah yang lalu, sehingga orang-orang itu menjadi kaya raya hari ini.

Dan begitu juga terdapatnya wang ringgit bertaburan apabila perhimpunan Agong UMNO Jun, 1981 lalu.

Semua orang mengetahui penyelewengan itu berlaku. Dan ramai juga tokoh-tokoh di peringkat Cawangan dan Bahagian serta negeri turut menerima wang tersebut.

Siapa tidak mahu menerima wang, kalau ada orang yang sudi memberinya.

Tetapi sebagaimana yang telah kita katakan di atas tadi, soal pemilihan adalah hak tersendiri, yang tidak boleh dijual beli. Wang yang ditaburkan itu tidak semestinya mengikatkan seseorang yang jujur dan setia itu terpedaya dengan wang ringgit.

## **PEMIMPIN YANG HARUS WUJUD**

'KACA DAN INTAN' sering terkeliru apabila kita membuat pemilihannya.

Ada kalanya kita terburu-buru dalam membuat pemilihan sesuatu, kerana terkeliru dari segi kecantikan ataupun secara tidak mahu meniliti dengan lebih mendalam di atas barang-barang yang kitakehendaki itu secara serius.

Semuanya ini akan merugikan kita sendiri. Tapi kesilapan itu harus kita persalahkan diri kita sendiri, kerana tidak mahu mengambil masa untuk mengkaji dan bertanya kepada orang yang lebih mahir dalam soal barang tersebut.

Hal ini sama jugalah keadaannya dengan pemilihan tokoh-tokoh atau pemimpin yang harus wujud di dalam masyarakat kita di satu-satu kampung, daerah atau kawasan-kawasan dan seterusnya membawa kepada negeri dan negara.

Kalau kita tersalah memilihnya bererti buruk padahnya, yang bukan saja akibatnya menimpa kepada kampung kita, bahkan kepada diri kita dan kepada negara kita dan juga kepada bangsa dan agama kita.

Terdapat pemimpin-pemimpin yang sanggup mengadaikan kampung halamannya demi untuk kesenangannya. Ada pemimpin yang sanggup menjual

tanah pusakanya asalkan dia mewah dan kaya, tanpa memikirkan adik beradiknya yang lain, yang juga berhak memiliki pusaka ini.

Ada pemimpin yang sanggup menipu bangsanya sendiri demi untuk kepentingan dirinya seorang.

Pemimpin-pemimpin seperti ini sanggup menjual harta bendanya dan kampung halamannya bererti pemimpin itu tidak mempunyai maruah sebagai seorang pemimpin yang bertanggungjawab. Pemimpin itu adalah tidak amanah, tidak jujur dan tidak sepatut kita melantiknya sebagai pemimpin atau ketua dalam masyarakat kita.

Kerana pemimpin jenis ini sanggup juga mengadaikan negara dan bangsanya. Dan kita tidak mahu perkara seumpama itu berlaku setelah kita mencapai kemerdekaan, kerana kita telah dapat membezakan yang mana kaca dan yang mana pula intan, untuk diletakkan di tempat yang sewajarnya.

Ramai yang telah mendapat didikan di pengajian tinggi baik di dalam maupun di luar negeri yang boleh kita teliti. Tapi harus juga kita akui bahawa tidak semua yang berpendidikan tinggi itu semuanya mempunyai pemikiran yang waras dan jujur dan tidak pula bermakna yang berkelulusan sekolah ataupun itu tidak pintar dalam lenggang-lengguk politik tempatan.

Sekurang-kurangnya hari ini kita boleh membuat pemilihan dengan kejujuran seseorang itu dan tanggungjawab yang akan dipikulnya nanti.

Dan dari sekarang juga kita dapat meneliti dan memilih kerana ramai tokoh-tokoh muda dari Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Wanitanya yang boleh kita perhatikan segala gerak geri mereka dalam mencari pemimpin untuk hari esok.

\* \* \* Pemimpin yang baik akan dapat kita teliti dari masa mereka masih muda. Kita akan dapat mengkaji sejauh manakah kejujuran mereka dan ke arah mana-

kah yang hendak mereka bawa rakyat dan bangsanya di masa hadapan. \*

\* Dan apakah persediaan-persediaannya pula yang akan mereka usahakan untuk generasi akan datang. Dan dalam masa itu dapat juga kita perhatikan sama dengan mereka benar-benar berjuang untuk kepentingan masyarakat setempat ataupun semata-mata untuk sesuatu tujuan yang boleh mencepatkan diri mereka mencapai kekayaan. \*

Kita boleh mengaturkan dalam masa lima tahun setelah berlangsungnya satu-satu pilihanraya, untuk mencari pelapis kedua dalam menyediakan pemimpin akan datang, dan bukanlah secara terburu-buru di saat-saat terakhir.

Apa yang kita perolehi sekarang ini adalah hasil tonjolan di saat-saat terakhir yang mana ini boleh merugikan kepada semua.

Pucuk pemimpin atasan juga tidak seharusnya mendengar secara membabi buta tanpa membuat penyiasatan terlebih dahulu tapi sekadar mendengar sokongan dari perisik-perisik tertentu dan terus menerima seseorang itu menjadi pemimpin. Ini juga telah dan sedang berlaku di mana tonjolan-tonjolan seperti itu terus berjalan dan hasilnya telah mengeciwakan.

Apa yang mendukacitakan kita semua ialah, tokoh-tokoh yang betul-betul hendak bekerja dan berkhidmat untuk rakyat telah tidak terpilih dan tidak diberi tempat, tapi kepada orang-orang yang pandai menggunakan lidah tidak bertulang dengan putar belitnya itu, telah mendapat sokongan.

Perkara seperti ini telah berlaku sejak zaman Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj, menjadi Perdana Menteri hingga kepada pemimpin Tun Hussein Onn.

Tetapi apa yang rakyat kehendaki di bawah pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri ke empat ini ialah, suatu perubahan yang benar-benar boleh memberi suatu gambaran yang per-

nah diperkatakan sebagai sebuah kerajaan yang jujur, bersih, amanah, dedikasi, cekap dan tidak rasuah.

Rakyat mengharapkan sebuah kerajaan yang demikian dengan pucuk pemimpinnya berada di dalam ketegori yang telah disebutkan itu.

Laungan Dr. Mahathir Mohamad itu sangat-sangat dikehendaki, kerana hingga setakat ini, rasa resah gelisah kalangan rakyat ramai begitu mencemaskan.

Mereka rasa negara ini sudah berada di hujung tanduk lakunya. Tunggu masa untuk ditiup angin dan hancur berderailah ia, apabila terhempas ke lantai.

Perasaan ini tersemat di lubuk hati mereka, adalah kerana didapati terlalu ramai pemimpin yang tidak lagi berpegang kepada konsep bertanggungjawab kepada tugas-tugas yang diamanahkan.

Masing-masing mencari kesempatan untuk mencari kekayaan dengan seberapa cepat yang boleh dan menjadi orang kaya baru, sekalipun terpaksa menjadi hamba kepada orang-orang bukan sebangsanya.

Semua orang menyedari perkara ini sedang bergolak, kecualilah pucuk pemimpin sengaja menutup mata mereka. Ataupun mereka masih mengalak atau membenarkan segala perkara itu terus berlaku sekalipun hal ini diketahui mereka.

Ahli-ahli politik bagaikan orang menjual ubat di kaki-kaki lima. Membuat hujah-hujah yang menarik dan menakjubkan, sehinggakan minyak kelapa yang diisikan di dalam botol kecil berukuran dua inci tinggi sebulat jari kelingking dijualnya dengan harga lima ringgit se botol, dan orang ramai tidak teragak-agak mengeluarkan wang koceknya untuk mendapatkan minyak tersebut.

Dan begitu jugalah ahli-ahli politik yang dikutip dan diberi peluang itu tanpa siasatan terlebih dahulu akan terus membuat janji-janji dengan putar belit me-

reka, tapi apabila tiba masanya tidak ada sesuatu yang dapat dihasilkan.

Akibatnya, parti yang mengeluarkan pemimpin seperti itu akan dikutuk dan bakal pemimpin yang akan menggantikan tempat tokoh yang lalu itu akan menghadapi satu masalah yang paling merumitkan.

Perkara itu harus dikaji oleh pemimpin atasan semoga tidak lagi wujud pemimpin-pemimpin yang tidak bertanggungjawab seperti itu terus mendapat tempat di dalam parti-parti yang memerintah.

Pemimpin yang pandai berkokok dan berteriak bisbing seperti tin kosong, selalunya tidak menghasilkan sesuatu, tapi akan memburukan keadaan kalau diperhatikan dari jangka panjang.

Kerana kalau tidak ada sesuatu tindakan diambil segera, takut kalau-kalau segala usaha untuk memperkuatkan lagi kedudukannya di tempat itu akan diusahakannya dan ia akan menjadi suatu kesukaran untuk diusirkan nanti.

Setakat ini, ramai tokoh-tokoh seperti itu telah wujud di dalam masyarakat dan parti yang mana kekuatan yang ada selama mereka menjadi pemimpin telah dapat dipupuk di kalangan rakyat bawahan dan telah mempengaruhi rakyat dengan segala apa yang mereka terdaya.

Setelah mereka berkuasa dan bertapak, berbagai cara mereka gunakan untuk mengekalkan kedudukan mereka sebagai pemimpin.

Ini bermakna kekuasaan itu tidak akan dilepaskan dengan begitu mudah selagi mereka tidak menimpa sesuatu bencana atau telah benar-benar uzur.

Di samping itu pemimpin seperti ini, setelah mereka memegang buat beberapa tahun akan berusaha pula untuk mencari jalan supaya kerusi yang dipegangnya itu diberikan kepada anak, adik ataupun saudaranya pula, kalau mereka tidak terdaya untuk meneruskan lagi memegang peranan tersebut.

Kejadian seperti ini berlaku di Sarawak, di Sabah dan juga di Semenanjung Malaysia.

Kita tidak mempertikaikan kalau penggantinya itu sekalipun dari sanak saudaranya, kalau bakal penggantinya itu berjiwa rakyat dan sudah lama berkecimpung di dalam politik dan telah mengikuti jejak langkah bapanya, yang juga berjiwa rakyat.

Tetapi yang anihnya ialah, penggantinya itu, samada si anak ataupun si adik dan seterusnya si isteri, tidak pernah melibatkan dirinya di dalam politik, tiba-tiba saja dikemukakan nama tersebut untuk menjadi pemimpin. \*

Jenis pemimpin seperti ini tidak seharusnya dimamalkan, kalau kita mahukan sebuah negara yang benar-benar mengamalkan demokrasi berparlimen, yang cukup-cukup bersih dan licin.

## **JANGAN MENGAMAL RASUAH POLITIK**

RASUAH — semua pemimpin parti politik yang melibatkan diri mereka dengan perbuatan membeli undi disifatkan sebagai melakukan Rasuah Politik.

Rasuah tidak semestinya berlaku dengan memberi wang untuk mendapat sesuatu maklumat sulit (rahsia), meluluskan satu-satu tender, atau pun untuk meluluskan permohonan dan sebagainya sahaja.

Bahkan segala rupa wang yang diberikan samada memberi dengan tujuan apa juga rupa dengan niat untuk kepentingan diri sendiri, adalah rasuah.

Sekalipun pemimpin-pemimpin parti politik yang menggunakan wang mereka dengan memberi wang untuk mendapat sokongan adalah dianggap rasuah juga.

Demikian didedahkan oleh beberapa orang pemimpin parti politik dari Barisan Nasional mahupun dari parti pembangkang.

Tokoh-tokoh itu sendiri mengakui bahawa terdapatnya pemimpin-pemimpin parti politik yang menggunakan wang untuk mempengaruhi rakyat dengan

menaburkan wang untuk mendapat pengaruh dan menyokong diri mereka.

Dan ada juga yang mengeluarkan wang kocek mereka sendiri untuk membayar yuran tahunan ahli-ahli bagi tahun itu untuk mengekalkan kedudukan seseorang itu.

Ini juga dianggapkan rasuah.

Demikian didedahkan oleh Datuk Harun Haji Idris, bekas Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia yang juga Naib Presiden UMNO. \*

Selain daripada Datuk Harun Haji Idris, timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar juga menganggapkan demikian.

Beliau menganggapkan pemimpin-pemimpin yang mengamalkan rasuah politik itu, tidak harus dimaafkan.

Menurut beliau, pimpinan 2M (Mahathir dan Musa) tidak rela menerima pemimpin-pemimpin parti yang mengamalkan perbuatan demikian.

Sementara itu En. Lee Lam Thye, Timbalan Setiausaha Agong DAP pula menegaskan bahawa pemimpin-pemimpin yang bertindak menaburkan wang ringgit untuk kepentingan diri sendiri dan memperdayakan rakyat, adalah suatu amalan yang tidak harus diberi tempat.

Pemimpin jenis itu tidak kekal, malah menipu diri sendiri.

Dari parti PAS, Ustaz Nakhaie bin Haji Ahmad, bekas Setia Usaha Agong parti itu menyatakan bahawa amalan rasuah politik ini telah diamalkan begitu berleluasa.

Orang-orang seperti ini, sanggup mengadaikan negara, kalau keadaan memaksa dan tidak harus diberi tempat di dalam mana-mana pimpinan parti politik tanahair.

Sungguhpun tidak seorang daripada tokoh-tokoh parti politik ini bersetuju dengan perbuatan dan amalan sebilangan ramai tokoh-tokoh opotunis ini, tetapi belum ada apa-apa tindakan tertentu telah diambil oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab hingga setakat ini.

Tetapi suatu perkara yang tidak dapat dinafikan bahawa kedua-dua pemimpin Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datuk Musa Hitam, Timbalannya sudah tentu tidak akan bertolak ansur dengan sikap dan tingkah laku pemimpin-pemimpinnya di masa-masa akan datang.

Dan itulah amaran beliau yang mula-mula dilafazkan sebaik-baik saja beliau mengambil alih pucuk pemimpin atasan daripada Tun Hussein Onn, bekas Perdana Menteri.

Amaran yang dimaksudkan itu ialah, keinginan beliau supaya kerjaan di bawah pimpinannya mestilah bersih, cekap, licin amanah dan tidak rasuah.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkeinginan malah menjadi suatu impiannya untuk menyaksikan negara ini berjaya, maju dan layak untuk dihormati oleh negara-negara lain dengan kemampuannya membekalkan keperluannya sendiri, tanpa meminta bantuan dari mana-mana.

Beliau yakin di atas kemajuan yang akan diperolehi oleh Malaysia dari jangka panjang, memandangkan kepada dedikasi para Menterinya dan pucuk pemimpin lain di peringkat Pusat, Negeri dan pekerja-pekerja mahir yang lainnya.

Malahan beliau menyeru dan berharap semoga setiap seorang daripada mereka itu hendaklah memikul tanggungjawab masing-masing sebagai suatu tanggungjawab untuk negara dan bukan semata-mata sebagai seorang makan gaji.

Dengan erti kata yang lain, pemimpin-pemimpin

yang mementingkan diri sendiri tidak ada tempat di dalam senarai kabinet Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datuk Musa Hitam.

Kerana pemimpin seperti itu, bukan saja akan menjaskan nama baik pentadbiran kerajaan di bawah pimpinan Mahathir — Musa bahkan pemimpin-pemimpin itu boleh memecah belahkan rakyat sesama rakyat.

Dan dengan cara itu juga, pemimpin-pemimpin yang menaburkan wang secara berleluasa itu boleh meracuni jiwa rakyat kepada kebendaan dan ini semangnya harus dihapuskan dengan segera.

Kita tidak mahu rakyat di Semenanjung Malaysia terpengaruh seperti mana rakyat di Sabah yang hanya akan menyokong dan mengundi kepada mana-mana parti politik yang sanggup memberi wang yang banyak.

Hari ini, rakyat Sabah telah dinodai dengan wang yang mencurah-curah daripada pemimpin-pemimpin yang mempunyai wang. Mana-mana parti politik yang sanggup menaburkan wang yang banyak akan beroleh kejayaan di dalam mana-mana pilihanraya. Dan kalau amalan ini berterusan, nescaya kerjaan tersebut akan terus menerus menggunakan wang dari masa ke masa untuk mengekalkan kekuasaannya.

Untuk tujuan itu, berbagai-bagai cara untuk mendapat kewangan terpaksa diusahakan setiap kali pilihanraya menjelang, demi untuk menaburkan wang ringgit kepada rakyat.

\* Apabila ini diamalkan dari masa ke masa, wang yang sepatutnya digunakan untuk pembangunan terpaksa dibekukan, kerana wang simpanan yang seharusnya digunakan untuk negara telah digunakan untuk menaburkan kepada rakyat dalam masa kempen pilihanraya. \*

Sebagaimana yang dinyatakan oleh Datuk Harun

Haji Idris, berpolitik sekarang ini bukan lagi secara sambilan, tetapi mestilah dengan sepenuh masa.

Untuk menyerahkan diri secara sepenuh masa, seorang itu haruslah jujur dengan diri mereka terlebih dahulu sebelum mereka benar-benar hendak berkecimpung di dalam arena politik.

Ramai yang tidak menyedari akan hakikat ini. Apabila ketidak jujuran dan diri sendiri berlaku, mulalah rasa tidak bertanggungjawab kepada apa yang diamanahkan mengusik jiwa. Dan ini boleh membawa kepada penyelewengan berbagai-bagai.

Pemimpin serupa ini tidak akan kekal dan mereka juga tidak berharap untuk berterusan sebagaimana yang dikehendaki untuk memberi segala tanggungjawab dengan sepenuh masa.

Mereka cuma berharap semoga segala apa yang diharapkan tercapai, selepas itu nama mereka tidak terpilih lagi sudah mencukupi, kerana apa yang mereka kehendaki telah pun diperolehi.

Pemimpin seperti ini terlalu ramai di sekeliling kita hari ini. Masing-masing berkempen di kedai-kedai kopi, di warung-warung dan di masjid-masjid atau di rumah-rumah.

Mereka pandai bercakap dan pandai berputar belit. Tetapi apabila diselidik dan diselami dengan lebih mendalam, kita akan dapati bahawa mereka hanya berangan-angan besar, tetapi tidak mahu bertanggungjawab dengan sepenuhnya.

## **PESANAN DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD UNTUK KITA RENUNGKAN BERSAMA**

HARI KEBANGSAAN baru saja kita sambutnya dengan penuh kesyukuran. Dan hari Kebangsaan harus memberi erti yang besar kepada setiap rakyat. Pentingnya Hari Kebangsaan bukanlah kerana ianya menjadi hari kelepasan am ataupun kerana acara-acara sambutan yang meriah yang mengiringinya. Pentingnya Hari Kebangsaan ialah kerana pada hari itu kita memperingati sejarah perjuangan yang menjadikan negara kita negara merdeka dan berdaulat.

Hari Kebangsaan mengingatkan kita kepada detik-detik dan peristiwa-peristiwa suka duka yang telah dilalui oleh negara dan rakyat sekalian. Ia harus mengingatkan kita kepada perjuangan dan pejuang-pejuang negara dalam membebaskan tanahair dari pada belenggu penjajahan.

Ia harus mengingatkan kita kepada sumbangan mereka dalam membentuk asas bangsa dan negara

sebelum dan setelah perjuangan mereka berjaya dan negara mencapai kemerdekaan. Ia juga harus mengingatkan kita kepada jasa dan sumbangan semua pihak terhadap kemajuan dan pembangunan negara semenjak tercapainya kemerdekaan hingga sekarang.

Kalau boleh saya tegaskan, Hari Kebangsaan harus memberi rasa keinsafan yang mendalam kepada kita semua terhadap segala rupa dan bentuk pengorbanan dan sumbangan pejuang-pejuang kebangsaan, negarawan-negarawan, tokoh-tokoh dan rakyat sekalian dalam memelihara kedaulatan serta menjamin kesejahteraan dan kemajuan rakyat dan negara.

Alhamdulillah, semenjak Merdeka negara kita sentiasa berada dalam perlindungan Allah. Secara amnya kita tidak mengalami apa-apa malapetaka besar dan apa juar dugaan telah dapat kita atasi dengan jayanya. Kita telah dapat mengekalkan kedaulatan, keamanan dan kemakmuran negara. Kehidupan rakyat keseluруhannya semakin bertambah baik. Walaupun ada ketidaknya suasana politik dan ekonomi antarabangsa tidak begitu menggalakkan, kita masih dapat mempertahankan kedudukan kita sebagai sebuah negara yang kukuh, aman dan makmur.

Sedang kita perlu sentiasa menginsafi sejarah sukaduka yang kita lalui, kita perlu pula sentiasa mempunyai pandangan yang jelas tentang masa depan kita. Masa depan yang kita ingini adalah masa depan yang penuh kesejahteraan, kemakmuraan, kemajuan, dan keharmonian. Ini adalah hasrat kita dan kita telah menumpukan perhatian serta tenaga kita untuk menjamin pencapaiannya.

Dasar-dasar negara adalah dirumus bagi tujuan-tujuan ini. Oleh itu rakyat sekalian seharusnya mempunyai pandangan yang jelas tentang masa depan yang cemerlang ini dan menaruh keyakinan penuh

bahawa dengan tekad dan usaha mereka tidak ada sebab mengapa, jika diizinkan Allah Suhbahuwataala, kita tidak boleh berjaya.

Negara kita sedang membangun dengan pesatnya. Pembangunan yang pesat akan membolehkan kita mengecap nikmat kemakmuran dan kesejahteraan yang bertambah-tambah lagi. Proses pembangunan yang menjamin kemakmuran dan kesejahteraan ialah yang berpandukan kepada usaha yang gigih bagi memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi dan meningkatkan nilai-nilai kerohanian.

Tiap-tiap seorang daripada kita mempunyai peranan dan tanggungjawab yang khusus dan penting dalam pembangunan negara. Kita mestilah memainkan peranan ini dan menunaikan tanggungjawab kita.

Demi untuk faedah diri dan masyarakat, setiap rakyat mestilah bekerja dengan tekun, jujur dan disiplin. Apa juga kerja yang ditugaskan kepada kita, di peringkat apa juga, hendaklah kita jalankan dengan penuh kejujuran dan bersungguh-sungguh.

Soal sama ada orang lain juga bekerja dengan jujur dan dedikasi tidak harus merungsingkan kita. Yang penting ialah kita sendiri semua menjalankan tugas kita dengan sebaik-baiknya. Insyallah jika kita semua menjalankan tugas kita dengan sempurna, tidak akan ada orang lain yang tidak menjalankan tugas.

Sebaliknya, jika menanti-nantikan orang lain, maka tiada siapa pun yang akan bermula.

Kita hendaklah sedar bahawa segala sumber tenaga, masa, fikiran dan modal perlu digunakan sepenuhnya bagi menggerakkan negara kita kepada tahap pembangunan yang lebih tinggi lagi. Tidak sesiapa pun yang dapat menolong mereka yang tidak berusaha dengan jujurnya menggunakan tenaga, masa, fikiran dan modal bagi kebaikan dirinya.

Walaupun Kerajaan telah, sedang dan akan ber-

usaha bagi membolehkan rakyat memajukan diri dan memperbaiki kehidupan mereka, faedah-faedah pembangunan tidak mungkin dapat dinikmati sepenuhnya oleh mereka yang tidak bersedia untuk menggunakan sumber-sumber yang disediakan itu.

Oleh itu saya menggesa rakyat sekalian supaya menjadikan dekad lapan puluhan ini sebagai dekad di mana setiap individu dan golongan gigih berusaha meningkatkan daya pengeluaran mereka dan daya pengeluaran semua sektor dan aktiviti ekonomi.

Dekad lapan puluhan hendaklah dijadikan dekad menukar sikap daripada sikap memberi keutamaan terhadap diri sendiri kepada sikap yang memberi keutamaan terhadap agama, bangsa dan tanahair.



Nama Ainol Jamal, memang sudah terpahat di kalangan kaum Melayu sejak tahun 1957 lagi, apabila beliau menjadi Wartawan Utusan Melayu di Singapura dan Kuala Lumpur.

Selain dari menjadi Wartawan juga seorang Cerpenis, Namanya cuma dikenali dikalangan akhbar-akhbar, baru kini mula menulis buku dalam bahasa Melayu.

Beliau pernah menulis sebuah buku yang berjodol 'The Malay Culture and its Environment' pada tahun 1966, semasa berada di New Zealand.

Beliau dilahirkan kira-kira 43 tahun lalu, di Taiping Perak, dengan mendapat didikan awal di Sekolah Melayu Matang dan di Sekolah Menengah Inggeris, King Edward ke V11, Taiping.

Setelah bertugas dengan Utusan Melayu selama hampir-hampir tujuh tahun, beliau telah berpeluang melanjutkan pelajarannya ke New Zealand selama lima tahun dalam jurusan Perbandingan Keagamaan.

Dalam masa penceburannya sebagai Wartawan, beliau pernah dibantarkan ke Brunei untuk meliputi satu pemberitaan yang tercetus secara mendadak di negeri itu. Sekembalinya beliau dari New Zealand, beliau pernah bertugas sebagai Wartawan Perang di Vietnam Selatan, untuk akhbar-akhbar luar negeri selama setahun. Kini masih lagi menjadi Wartawan akhbar luar sebagai penulis rencana.

Dalam tahun 1969 hingga 1972, beliau pernah bertugas dengan Kedutaan Asing di Kuala Lumpur dan pernah berkhidmat dengan Pejabat Menteri Besar Selangor sebagai Pegawai Penyelidik Politik dan Setiausaha Akhbar kepada Menteri Besar Dato' Harun Haji Idris dan Dato' Hormat Rafie (dari 1972 hingga 1978).